

Mhi ملاك هاري اين
MELAKA HARI INI

MELAKA ONE NUMBER CALL CENTRE (ONCC)
 Ingin tahu nombor telefon agensi kerajaan untuk sebarang bantuan dan khidmat nasihat berkaitan Covid-19? Sita hubungi ONCC di talian:
06-333 3333
 124 Jari Kemuncak, 84000 Seremban, Negeri Sembilan



Peluang bangkit semula pasca COVID-19

- ✓ Perbadanan M-WEZ diluluskan
 - ✓ TS35 bukti utamakan rakyat
 - ✓ Perkukuh tafsiran Ahli Sunnah Wal Jamaah
 - ✓ Melaka jangka masuk Fasa 3 pertengahan Okt
 - ✓ Gaji guru JAIM tidak dipotong
- BERITA PENUH MUKA 2,3,4,5,6,7**



Peluang bangkit semula pasca COVID-19 – Tun Mohd Ali

A Jalil Hamid

SERI NEGERI - Kerajaan negeri perlu menyusun strategi dan pelan tindakan untuk membantu rakyat dan membangunkan semula ekonomi Melaka pasca COVID-19.

Yang di-Pertua Negeri, Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam berkata, semua pihak termasuk pembangkang perlu berbincang bersama kerajaan negeri demi kepentingan rakyat dan negeri.

"Kini tanggungjawab kerajaan amatlah penting khususnya dalam membantu rakyat yang terkesan disebabkan oleh pandemik COVID-19," katanya semasa berucap merasmikan Persidangan Pertama Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Melaka pada 20 Sept lepas.

Ini adalah Sidang DUN Melaka pertama kali tahun ini.

"Ada rakyat yang hilang pekerjaan, syarikat yang tidak mampu untuk meneruskan operasi, anak-anak yang kehilangan kedua ibu-bapa dan masalah sosial yang berpunca daripada pandemik COVID-19.

"Semua isu dan masalah ini perlu ditangani dengan sebaiknya oleh kerajaan negeri," katanya.

Mohd Ali berkata, situasi pandemik di Melaka masih pada tahap yang membimbangkan.

"Kita masih lagi bergelut dengan pandemik COVID-19 yang belum menunjukkan tanda penurunan.

"Saya percaya dan yakin bahawa tempoh waktu ini adalah peluang kepada negeri Melaka untuk bangkit semula dalam membangunkan ekonomi negeri dan membantu para peniaga serta meraih keyakinan pelabur untuk melabur di ne-



MOHD Ali ketika menyampaikan ucapan bagi merasmikan Persidangan Pertama Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka di Seri Negeri pada 20 Sept lepas.

geri Melaka," katanya.

Mohd Ali mahu semua sektor ekonomi Melaka dipulihkan dan bersedia merebut peluang apabila ekonomi negara dan global kembali bergerak pasca COVID-19.

Ini termasuk sektor pelancongan, yang menjadi nadi kepada ekonomi Melaka.

"Saya menggesa kerajaan negeri supaya terus mempelbagaikan produk baharu pelancongan, menaiktaraf produk sedia ada serta melaksanakan pelbagai inisiatif," katanya.

Mengenai infrastruktur, Mohd Ali mahu kerajaan negeri menyege-

rakan projek menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka (LTAM) di Batu Berendam.

"Penambahbaikan ini termasuklah menambah bilangan parking bay pesawat, menambahbaik sistem pengurusan penumpang dan juga pemanjangan landasan.

"Ini bagi memberi keselesaan kepada pesawat agar boleh mendarat dengan kapasiti penuh yang seterusnya membuka ruang kepada lebih banyak laluan domestik dan antarabangsa bagi menyokong sektor pelancongan kesihatan dan pelancongan sosial yang lain.

"Saya difahamkan bahawa pro-

jek menaik taraf LTAM Batu Berendam yang berjumlah RM200 juta pernah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ke-11.

"Justeru, saya berharap Kera-

jaan Persekutuan akan dapat memberikan kelulusan dalam Belanjaan Tahun 2022 yang dijangka dibentangkan di Dewan Rakyat pada 29 Oktober ini," katanya.

Penyebaran ajaran sesat perlu dibendung

Meor Riduwan Meor Ahmad

PENYEBARAN ajaran Islam yang menyeleweng dan bertentangan prinsip Ahli Sunnah Wal Jamaah di Melaka perlu sentiasa dipantau supaya tidak terus merebak dan merosakkan akidah rakyat.

Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam berkata, perkara itu penting dalam aspek memartabatkan syiar Islam.

"Saya berharap pentadbiran kerajaan dapat memberikan perhatian serius terhadap usaha membendung isu penyebaran ajaran Islam yang menyeleweng dan salah

dari segi prinsip akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.

"Suka untuk saya menyeru agar usaha-usaha untuk menerapkan ajaran Islam berdasarkan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah perlu diambil serius dan difahami dengan sebenar-benarnya dalam kalangan seluruh umat Islam di Melaka khususnya.

"Selain itu, penyebaran ajaran-ajaran salah yang telah difatwakan haram di negeri Melaka hendaklah sentiasa dipantau agar tidak terus merebak dan merosakkan pegangan akidah rakyat negeri ini," katanya.

Perancangan mengikut lapan 'flagship'

Liana Sahabudin

PENTADBIRAN kerajaan negeri perlu memastikan perancangan yang telah dibuat berdasarkan kepada lapan *flagship* dilaksanakan dengan berkesan demi kesejahteraan rakyat.

Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam berkata, ia aspirasi kerajaan negeri menerusi Pelan strategik Melaka Maju Jaya 2035 (PSMJ 2035) yang dilancarkan 8 Mac lalu.

"Lapan *flagship* itu meliputi pembangunan Zon Pesisir Pantai (M-WEZ), pengurusan air, pembangunan bersasar, pembangunan dalam pendigitalan, pelancongan,

pendidikan, usahawan dan juga kesejahteraan rakyat.

"Usaha ini untuk memacu dan merancakkan pertumbuhan ekonomi, menggalakkan pelaburan domestik dan asing, meningkatkan sektor pelancongan, pembangunan infrastruktur, pemeliharaan warisan serta peningkatan modal insan melalui pendidikan," katanya.

Mohd Ali berkata, selain itu pihak kerajaan perlu memantau segala perancangan dan sasaran yang telah ditetapkan agar kesan pembangunan dapat dirasai oleh semua golongan rakyat.

"Saya berharap perancangan tersebut bersifat inklusif dan tiada

kumpulan rakyat yang terpinggir dalam menikmati hasil perancangan pembangunan tersebut.

"Saya difahamkan terkini, pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) sedang bekerjasama dengan pihak UiTM Melaka untuk melaksanakan penilaian semula indikator-indikator negara maju *Organisation for Economic Cooperation and Development* (OECD) yang berkaitan.

"Ia supaya selaras dengan PSMJ 2035 serta berpandukan kepada 17 matlamat pembangunan lestari (sustainable development goals - SDG) yang diterima pakai semua negara anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)," katanya.

WAKTU SOLAT

Ditandakan Abu Huzaimah Ibrahim Rasulullah SAW berselaku: Sesungguhnya, solat merupakan lakukannya berjemah lebih utama daripada solat yang seorang diri dengan dua puluh lima bahagian. 27 September 2021 - 03 Oktober 2021 (20 Safar 1443H - 24 Safar 1443H)

	SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
27 SEPTEMBER 2021	5.52 am	6.59 am	1.05 pm	4.11 pm	7.07 pm	8.15 pm
28 SEPTEMBER 2021	5.51 am	6.59 am	1.04 pm	4.11 pm	7.06 pm	8.15 pm
29 SEPTEMBER 2021	5.51 am	6.59 am	1.04 pm	4.11 pm	7.06 pm	8.15 pm
30 SEPTEMBER 2021	5.51 am	6.59 am	1.04 pm	4.12 pm	7.05 pm	8.14 pm
01 OKTOBER 2021	5.51 am	6.58 am	1.03 pm	4.12 pm	7.05 pm	8.14 pm
02 OKTOBER 2021	5.50 am	6.58 am	1.03 pm	4.12 pm	7.05 pm	8.13 pm
03 OKTOBER 2021	5.50 am	6.58 am	1.03 pm	4.12 pm	7.04 pm	8.13 pm

Melaka lulus penubuhan Perbadanan M-WEZ

A Jalil Hamid

RANG undang-undang (RUU) penubuhan Perbadanan Zon Ekonomi Persisiran Pantai Melaka (M-WEZ) diluluskan oleh sidang DUN pada 22 Sept lalu.

Seramai 16 ahli (ADUN) menyokong usul RUU berkenaan yang dibentangkan Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali, 11 menolak manakala satu tidak hadir.

Sulaiman ketika menggulung perbahasan, berkata penubuhan perbadanan itu tidak akan memberi beban kewangan kepada kerajaan negeri.

Sebaliknya, koridor tersebut, yang telah dipersetujui oleh Majlis Perancang Fizikal Negara secara dasar, dijangka menjadi pemangkin kepada pembangunan dan ekonomi Melaka.

Katanya, projek-projek tambakan laut di bawah pembangunan M-WEZ bukanlah perkara luar biasa. Pembangunan yang sama dibuat oleh Singapura dan Pulau Pinang.

Semasa membentangkan rang undang-undang tersebut, Sulaiman berkata Perbadanan M-WEZ akan menjadi agensi tonggak pembangunan koridor ekonomi berimpak tinggi di sepanjang 33 km di persisiran pantai Melaka.

Beliau menyifatkan M-WEZ sebagai "Game-Changer" dan "Big Move" untuk melonjakkan ekonomi Melaka dan negara.

"Ingin saya nyatakan bahawa M-WEZ adalah penting bagi masa hadapan Melaka. Usaha yang sedang giat kita jalankan ini bakal diwarisi oleh anak-anak, cucu keturunan kita nanti.

"Ia bukan sekadar projek tambakan biasa yang bertujuan untuk spekulasi hartanah semata-mata," katanya.

Sebaliknya, jelas beliau M-WEZ bertindak sebagai pemangkin baharu ekonomi Melaka, yang akan mentransformasi Melaka sebagai negeri yang berdaya saing dan berdaya huni.

Koridor yang berorientasikan maritim dijangka menarik pelaburan sebanyak RM100 billion dalam masa 15 tahun dan menawarkan 5,000 pekerjaan baharu setiap tahun.



SULAIMAN ketika membentangkan usul RUU Enakmen M-WEZ pada hari ketiga (22 Sept) Persidangan Pertama Penggal Keempat DUN Melaka ke-14.
FOTO MR Azli

KM ulas dakwaan Adly mengenai Far East

Muhd Rizanizam

SYARIKAT Far East (Melaka) Sdn Bhd, mempunyai modal berbayar sebanyak RM1 juta yang telah melebihi syarat minimum untuk pelaksanaan projek tambakan laut secara inisiatif pembiayaan swasta (PFI).

Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, beliau mengetahui perkara itu berdasarkan semakan pendaftaran syarikat melalui Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Menurutnya, jumlah modal berbayar sebanyak RM1 juta itu juga telah melebihi syarat minima untuk syarikat mengemukakan permohonan projek pen-swastaaan iaitu RM250,000.

"Syarikat juga telah menjelaskan bayaran sebanyak RM29.3 juta semasa menandatangani perjanjian. Bayaran ini adalah sebahagian bayaran Pembangunan Negeri Melaka yang perlu dijelaskan oleh syarikat daripada jumlah keseluruhan bayaran RM81 juta.

"Jumlah ini sangat besar dan menunjukkan syarikat tidak mempunyai masalah dari segi kewangan. Syarikat juga dikehendaki mematuhi syarat-syarat

yang sangat ketat seperti mana yang dinyatakan dalam dokumen perjanjian.

"Sudah pasti syarikat akan mengalami kerugian yang besar jika mereka gagal menyiapkan projek ini," katanya dalam satu kenyataan pada 22 Sept lepas.

Sulaiman yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lendu berkata, malah kerajaan negeri juga boleh melantik syarikat lain untuk melaksanakan projek tersebut sekiranya syarikat sedia ada gagal untuk melaksanakannya.

"Berhubung keluasan 1,190 ekar yang dipertikalkan oleh Yang Berhormat Bukit Katil (Ketua Pembangkang, Adly Zahari) untuk makluman, kelulusan yang diberikan kepada pihak syarikat ini adalah untuk membangunkan sebuah pelabuhan dan keluasan itu adalah munasabah.

"Namun, saya menjangkakan keluasan itu tidak mencukupi pada masa akan datang kerana untuk pembesaran sebuah pelabuhan sahaja memerlukan antara 3,000 hingga 4,000 ekar," katanya.

Terdahulu, dalam Persidangan DUN Ke-14 pada 22 Sept lalu, beberapa per-

soalan dibangkitkan ADUN semasa sesi perbahasan Rang Undang-Undang (RU-U) enakmen penubuhan Perbadanan Zon Ekonomi Persisiran Pantai Melaka (M-WEZ).

Menurut Sulaiman, Adly turut menyatakan bukan mudah untuk membangunkan keseluruhan kawasan tambak laut sehingga Kerajaan Negeri pimpinan beliau sebelum ini mencadangkan agar satu konsultant dilantik untuk menyelaras semula pembangunan kawasan tambak laut.

Sehubungan itu, jelasnya, kerajaan negeri pimpinannya juga berkongsi pandangan sama berkaitan perkara tersebut.

"Sebelum ini, projek tambakan laut yang diluluskan sebelum ini sangat tidak terancang dan hanya tertumpu kepada projek tambakan laut semata-mata tanpa menyatakan bentuk pembangunan yang mahu dilaksanakan.

"Keadaan itu menyebabkan daripada 3,279 ekar kawasan yang ditambah, hanya 268 ekar atau lapan peratus sahaja telah dibangunkan.

"Selain itu penyediaan infrastruktur seperti rang-

kaian jalan raya dan sistem saliran juga tidak dapat dilaksanakan secara menyeluruh kerana pembangunan

tidak dilakukan oleh banyak pihak dan tiada

agensi khusus yang menyelaras pembangunan di kawasan tersebut," katanya.

Melaka perkukuh maksud tafsiran Ahli Sunnah Wal Jamaah

A Jalil Hamid

KERAJAAN Melaka pada 23 Sept lepas mengambil ketetapan untuk memperkukuhkan maksud tafsiran Ahli Sunnah Wal Jamaah untuk menjadi pegangan kepada orang Islam di Melaka.

Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, langkah itu adalah tepat bagi memelihara keselamatan dan keamanan Melaka daripada gejala perpecahan dan pergaduhan sesama orang Islam akibat isu pegangan aqidah yang berbeza.

Ketika membentangkan usul berkaitan di sidang DUN, Sulaiman berkata kerajaan negeri telah bersetuju agar Warta Fatwa Negeri Melaka M.P.U. 5 Tahun 1997 berkaitan kewajipan berpegang dengan aqidah tersebut disemak dan ditambah baik bagi mengekang penyebaran fahaman-fahaman yang boleh menjejaskan aqidah umat Islam.

"Dengan pindaan kepada Seksyen 2, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 dan Warta Fatwa M.P.U. 5 tahun 1997, ia akan mengikat semua orang Islam yang berada di Negeri Melaka untuk berpegang kepada Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah," katanya.

Usul berkenaan kemudian menerima sokongan sebulat suara ahli dewan.

Beliau berkata isu aqidah kembali menjadi perbahasan berikutan timbulnya pelbagai doktrin-doktrin baru serta doktrin lama yang ditimbulkan semula yang jelas bertentangan dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah, sekali gus mencabar fatwa yang telah diwartakan.

"Antara isu aqidah yang dikesan di negeri Melaka seperti Syiah, amalan khurafat di Pulau Besar, Ajaran Panji Langit, Hizbu Tahrir Malaysia, Asalama, Miillah Abraham, Syahadah dan Zikir Nafas oleh Pertubuhan Rahmatan Lil Alamin (PERAHMAT) serta aktiviti perbomohan yang meragukan," katanya.

"Aliran pemikiran semasa juga mencabar dan mengelirukan pegangan umat Islam masa kini seperti pemikiran Liberalisme, Pluralisme dan Anti Hadith," katanya.

Sulaiman berkata apa yang membimbangkan juga adalah gerakan Wahabi dan Salafi yang ekstremis dan sering membida'ah serta mengkafirkan amalan-amalan khilafiyah yang menjadi kebiasaan dalam masyarakat Islam di Melaka dan Malaysia khususnya seperti wirid, tahlil, zikir, sambutan Maulidur Rasul dan lain-lain sebagai amalan yang sesat.

"Pandangan-pandangan ini mengelirukan fahaman masyarakat dan menjejaskan perpaduan umat Islam," katanya.

Transformasi Sejahtera 2035

Aspirasi pulih ekonomi Melaka

Liana Sahabudin

GAGASAN Menuju Transformasi Sejahtera 2035 (TS35) menjadi kanvas baharu kerajaan negeri bersifat inklusif yang sarat dengan aspirasi ke arah memulihkan ekonomi Melaka.

Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, gagasan itu adalah harapan serta wawasan kerajaan negeri TS35 yang akan diwariskan kepada anak-anak di masa akan datang.

"Ternyata TS35 ini menjadi kanvas baharu bersifat inklusif, sarat di dalamnya dengan aspirasi demi membawa Negeri Melaka pulih ekonominya, terjaga kebajikan rakyatnya.

"Selain kemakmuran yang dikongsi bersama, bersiap siaga mendepani Industri 4.0 dan Komuniti 5.0, TS35 ini kita akan wariskan kepada anak-anak muda, waima cucu zuriat keturunannya kita.

"Ada orang bertanya saya,

Tok Leman, semua dasar inisiatif dan transformasi tersebut, hendak dibawa ke mana? ke arah mana yang hendak dituju sebelumnya?

"Apa jua dasar dan perancangan kita itu, sebenarnya berfokus kepada apa yang saya gagas atau istilahkan sebagai Menuju Transformasi Sejahtera 2035 atau TS35 ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap sempena Pembukaan Persidangan Pertama Penggal Keempat DUN Melaka Ke-14 pada 21 Sept lepas.

Sulaiman berkata semua transformasi itu dibuat satu persatu, berterusan dan tidak akan berhenti.

"Ini meliputi transformasi politik dan pentadbiran, transformasi agensi dan anak syarikat kerajaan serta transformasi ekonomi dengan mewujudkan Pembangunan Zon Ekonomi Persisir Pantai Melaka (M-WEZ)," katanya.



TS35 sarat dengan aspirasi memulihkan ekonomi Melaka. Gambar Hiasan

TS35 sesuai pada masanya – Pembangkang

Muhd Rizanizam

KANVAS baharu yang bersifat inklusif, TS35 yang diperkenalkan ketua menteri diterima baik pembangkang di negeri ini.

ADUN Kesidang Seah Shoo Chin berkata, beliau berterima kasih kepada Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali atas keprihatinannya itu.

"TS35 ini sesuai pada masanya sebab sebagai sebuah negeri maju kita sebenarnya tidak perlu kira siapa kerajaan mahupun pembangkang kerana semua adalah wakil yang dipilih rakyat.



SHOO CHIN

"Sebab itu kalau kita dapat peruntukan atau bantuan termasuklah menyertai Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Daerah (JTPD) yang kini hanya

"Walaupun mungkin ada isu-isu berkenaan lambat diselesaikan, sekurang-kurangnya ia dapat dibangkitkan untuk perbincangan segera"

melibatkan ADUN-ADUN kerajaan, barulah semua isu-isu rakyat dapat diketahui.

"Walaupun mungkin ada isu-isu berkenaan lambat diselesaikan, sekurang-kurangnya ia dapat dibangkitkan untuk perbincangan segera," katanya ketika ditemui MHI di Seri Ne-

geri pada 22 Sept lalu.

Wakil rakyat DAP itu mengulas pembentangan usul terima kasih Sulaiman kepada Ucapan Perasmian Pembukaan Sidang DUN oleh Yang di-Per-tua Negeri Melaka, Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam pada 20 Sept lepas.

Isu abu mayat penganut Hindu akan diselesai segera – KM

A Jalil Hamid

KERAJAAN Melaka akan mencari tapak alternatif yang sesuai untuk tempat penganut agama Hindu melepaskan abu mayat.

Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata beliau mahu perkara itu diselesaikan dengan seberapa cepat yang mungkin.

Berucap semasa mengulung perbahasan ucapan penangguhan sidang Dewan

Undangan Negeri (DUN) pada 23 Sept lalu, beliau berkata pihak Unit Perancang Ekonomi (UPEN) akan diminta mengenalpasti tapak tersebut.

"Kerajaan negeri tidak mahu isu ingin dipanjangkan. Kita akan cari tempat yang terbaik," katanya.

Sulaiman berkata tapak yang telah diluluskan dahulu agak sensitif kepada setengah masyarakat setempat.

INISIATIF UTAMA DI BAWAH TS35

1. Peruntukan baharu RM50,000 kepada setiap ADUN dalam bentuk sumbangan kit makanan. Ia melibatkan sejumlah RM1.4 juta



2. Menaikkan peruntukan emolument untuk Pusat Khidmat ADUN kepada DUN pembangkang kepada RM60,000 daripada RM42,000 mulai Januari lalu



3. Wakil rakyat pembangkang dijemput menyertai Jawatankuasa Khas COVID-19 Melaka (yang akan dinamakan kepada Majlis Pengurusan dan Pemulihan COVID-19 (MPPC)



4. Wakil rakyat pembangkang dicadang dijemput menyertai Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Daerah (JTPD) yang kini hanya melibatkan ADUN-ADUN Kerajaan

5. Wakil rakyat pembangkang dicadang menjadi anggota Ahli Majlis Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negeri Melaka (MTENM)

6. Transformasi Sejahtera Agensi dan Perkhidmatan Kerajaan



7. Menghulur salam persahabatan kepada wakil rakyat pembangkang pada sidang DUN Bajet 2021



8. Memperhebat dan menggalakkan pelaburan dengan mempromosi Melaka sebagai salah sebuah destinasi pelaburan yang kondusif



9. Pakej Rangsangan Ekonomi Melakaku Maju Jaya 2021: Sejahtera Bersama



Melaka jangka masuk Fasa 3 pertengahan Okt

A Jalil Hamid

MELAKA dijangka masuk Fasa 3 Pelan Pemulihan Negeri (PPN) pada pertengahan Okt, kata Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali pada 23 Sept lepas.

Beliau juga berkata Melaka tidak akan tergesa-gesa membuka semula sektor pelancongan.

"Berhubung hal gelembung pelancongan (*travel bubble*) bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan khususnya Menteri Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan, Datuk Seri Nancy Shukri, yang telah mengumumkan Melaka bersama Genting Highlands dan Pulau Tioman akan dibuka berkuat kuasa 1 Okt.

"Walau bagaimanapun, kita mengambil pendirian untuk berhati-hati dan akan meneliti semua aspek SOP terlebih dahulu, sebelum bertindak untuk membenarkan kedatangan pelancong ke negeri bersejarah ini," katanya di Sidang DUN.

"Begitu juga kepada hal peralihan Negeri Melaka dari Fasa 2, InsyaAllah, yang jika tiada aral melintang, menjelang pertengahan Okt 2021, Negeri Melaka mampu masuk ke fasa berikutnya, setelah mencapai imuniti kelompok 80 peratus atau herd immunity, sehingga mencapai 100 peratus, tertakluk kepada pengumuman rasmi daripada Putrajaya," katanya.



KERAJAAN Melaka tidak akan tergesa-gesa membuka semula sektor pelancongan dan akan teliti SOP melibatkan segala aspek. Gambar fail MHI

Melaka negeri pertama

ADUN positif COVID-19 hadiri Sidang DUN secara maya



IDRIS

MELAKA menjadi negeri pertama membenarkan ADUN menghadiri Sidang DUN secara maya pada 21 Sept lepas.

Usul itu dikemukakan Datuk Seri Utama Ir. Idris Haron (BN-Sungai Udang) yang memohon agar Datuk Nor Azman Hassan (BN-Pantai Kundur) dibenarkan menghadiri Persidangan Pertama Penggal Keempat DUN Melaka Ke-14 secara hibrid berikutan sedang menjalani kuarantin selepas disahkan positif COVID-19.

Beliau berharap majoriti Ahli Dewan menyokong penangguhan

peraturan sahaja buat sementara bagi membenarkan Nor Azman menghadiri sidang itu secara atas talian.

"Kalau majoriti Ahli Dewan bersetuju untuk bersodaliriri dengan kawan kita yang terpencil ini untuk hadir secara online dan kita yang pertama, negeri yang menganjur sidang dewan secara hibrid, lain dari yang lain," katanya sebelum perbincangan dimulakan.

Usul itu kemudian disokong oleh Datuk Wira Ar. Ismail Othman (BN-Kuala Linggi) serta Ketua Pembangkang, Adly Zahari (PH-

Bukit Katil) yang bersetuju secara dasar.

Bagaimanapun, Adly berpendapat ADUN Pantai Kundur itu tidak boleh mengundi kerana ia membabitkan banyak perkara lain.

Speaker DUN, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh kemudian memberi peluang semua ADUN untuk membuat undian terhadap usul itu yang kemudiannya diluluskan sebulat suara dengan Nor Azman hanya dibenarkan menghadiri persidangan secara maya dan tidak dibenarkan mengundi.

Hidup bersama COVID-19 tapi perlu kawal secara serius – Ghafaar

KONSEP hidup bersama COVID-19 dalam transisi fasa endemik dilihat sebagai pilihan yang perlu diterima umum, namun ianya perlu dikawal secara serius.

Pengerusi Jawatankuasa Khas COVID-19 (JKC-19) Melaka, Datuk Seri Abdul Ghafaar Atan berkata, kerajaan negeri memandang serius berkenaan hal tersebut dan pelbagai inisiatif vaksinasi telah dilaksanakan dalam memastikan setiap rakyat negeri ini terima vaksin secara menyeluruh.

"Jika kita biasakan diri untuk hidup bersama COVID-19, maka tahap vaksinasi perlulah tinggi serta lengkap dalam kalangan rakyat Melaka dan pematuhan

SOP juga perlu dipatuhi secara serius.

"Sudah terbukti, vaksin COVID-19 mengurangkan risiko jangkitan, malah SOP yang dilaksanakan oleh kerajaan pusat melalui Majlis Keselamatan Negara (MKN), ianya adalah hasil daripada maklumat setiap agensi terlibat dan menyeluruh merangkumi pelbagai aspek," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan Datuk Wira Hasan Abd Rahman (BN-Sungai Rambai) mengenai isu rakyat hidup bersama COVID-19, dalam Persidangan Pertama Penggal Keempat DUN Melaka Ke-14 pada 21 Sept lalu.



GHAFAAR

Kaji semula sebelum ke endemik – Adly

KETUA Pembangkang Adly Zahari (PH-Bukit Katil) memohon kerajaan negeri agar mengkaji semula sebarang pelaksanaan fasa endemik berikutan kebimbangan kemampuan mengawal penularan COVID-19.

Jelasnya, kemunculan pelbagai varian termasuk Delta, dikhawatiri akan memberi kesan yang tidak dijangka sekiranya Melaka memasuki fasa endemik.

"Saya mahu kerajaan negeri lihat kembali faktor tersebut, sebelum beralih kepada endemik dan buka kembali sektor ekonomi itu sendiri, antara perkara diberi perhatian, penggunaan hospital secara keseluruhan negeri Melaka telah capai 84.7 peratus dan kadar kuarantin sendiri di rumah adalah tinggi 76.9 peratus.

"Kuarantin sendiri berpotensi tingkatkan jangkitan dan boleh menyumbang kepada kematian yang di luar hospital (BID) kerana pesakit tanpa pemantauan.

"Kalau kita ingin ke proses endemik, kita harus lihat bagaimana keluarga yang dikuarantin ini, dan kita boleh lihat bagaimana keluarga yang dikuarantin bukan sekadar seorang dua, tapi sekeluarga," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membahas usul ucapan terima kasih ke atas ucapan perasmian Yang di-Pertua Negeri Melaka Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam pada Persidangan Pertama Penggal Keempat DUN Melaka Ke-14 pada 21 Sept lepas.

Antara lain, beliau turut mencadangkan agar perkongsian data setiap agensi perlu dilakukan dalam mengenalpasti status taraf hidup rakyat negeri ini dalam memudahkan urusan saluran bantuan amnya.

"Kerajaan negeri harus fikirkan terutamanya kepada kumpulan yang selalu kita sebut B40, dan paling bermasalah dalam negara kita hari ini kita masih gunakan istilah B40, sedangkan kalau ikut statistik negara hampir 20 peratus daripada M40 itu sudah pergi ke B40.

"Sebab itu saya cadangkan antara peranan yang perlu dimainkan oleh Majlis Tindakan Ekonomi peringkat negeri harus memastikan bahawa kita mesti mempunyai perkongsian data sama ada di peringkat kerajaan atau mana-mana peringkat dan antara kerajaan satu agensi dengan agensi yang lain," katanya.



Melaka catat RM3.2 bilion pelaburan asing

MELAKA mencatatkan pelaburan asing bernilai lebih RM3.2 bilion dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini. Exco Infrastruktur negeri, Datuk Roslan Ahmad (BN - Merlimau) berkata, pelaburan itu sekaligus mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan mempelbagaikan sektor ekonomi negeri. "Ini sekali gus dapat meningkatkan pre-

stasi ekonomi negeri dalam semua bidang. "Kehadiran pelabur dari syarikat multi nasional besar ini juga dianggarkan memberi manfaat sebanyak RM5 Bilion seperti ditetapkan oleh kerajaan negeri," katanya. Beliau menjawab soalan Damian Yeo Shen (DAP - Duyong) yang bertanyakan ketua menteri mengenai pelaburan asing di Melaka.

ROSLAN

Melaka tidak tergesa-gesa buka sektor pelancongan - Jailani

Liana Sahabudin

KERAJAAN negeri tidak terburu-buru untuk membuat keputusan membuka kembali sektor pelancongan selagi ia tidak mempunyai Prosedur Operasi Standard (SOP) yang tepat. Exco Pelancongan Datuk Muhammad Jailani Khamis berkata, ia berikutan terdapat beberapa kes positif COVID-19 yang dikesan di Pulau Langkawi selepas destinasi itu dibuka menerusi Projek Rintis Gelembung Pelancongan baru-baru ini.

lagi destinasi pelancongan yang ingin dibuka kepada pelancong domestik. "Tapi kita kerajaan negeri tak akan terburu-buru nak buka pintu sehingga kita mendapat maklum balas apa yang berlaku di Langkawi," katanya. Beliau berkata demikian pada sidang media di Bilik Tun Mutahir di Seri Negeri, pada 22 Sept lepas.

Muhammad Jailani berkata, pada masa sama kerajaan negeri sedang menunggu ketetapan dari Majlis Keselamatan Negara (MKN) agar satu SOP khusus dapat diperuntukkan kepada sektor pelancongan. "Apabila SOP ini dimuktamadkan, maka kita ada pemantauan dari segi pelaksanaannya dan apa saja dilakukan tak bertentangan dalam SOP pelancongan yang ditetapkan oleh MKN. "Kita minta MKN wujudkan satu SOP khusus untuk pelancongan, bila aktif baru kita boleh laksanakan. "Kalau tidak kita akan buat SOP sendiri yang tak ada punca kuasa," katanya.

"We won't rush (kami tidak akan tergesa-gesa) sebab kita nak satu saja... a very specific SOP (SOP yang spesifik) untuk pelancongan iaitu garis panduan. "Saya paling takut kluster pelancongan, kita tengok maklum balas daripada Pulau Langkawi, what is happen there? (apa yang berlaku di sana?). "Kita mengalu-alukan kenyataan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Seri Nancy Shukri bahawa tiga



JAILANI

Peruntukan lebih RM600,000 biayai keperluan masyarakat Orang Asli - Idris

JABATAN Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Melaka memperuntukan RM611,999 bagi membiayai aspek keperluan hal ehwal masyarakat Orang Asli di negeri ini.


"Peruntukan ini tidak termasuk bantuan khas bakul makanan kepada 614 Ketua Isi Rumah (KIR) masyarakat Orang Asli di 14 kampung yang diselesaikan dalam dua fasa sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Exco Pembangunan Daerah, Luar Bandar Datuk Seri Utama Ir. Idris Haron berkata, peruntukan itu sekali gus menjaga kebajikan masyarakat Orang Asli meliputi pembangunan, kehidupan, sosio-ekonomi, pendidikan dan taraf hidup.

"Peruntukan diluluskan bagi kedua-dua fasa ini adalah melibatkan sejumlah RM215,575.40," katanya.

"Agihan peruntukan ini meliputi projek ekonomi berjumlah RM98,782, bantuan bimbingan usahawan (RM33,800), projek infrastruktur (RM404,621) dan bantuan pendidikan (RM74,796).

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan lisan Datuk Ginie Lim Siew Lin (PKR-Machap Jaya) mengenai status terkini penubuhan Jawatankuasa Pembangunan Keselamatan Orang Asli (JPKKOA) yang menggabungkan tujuh perkampungan Orang Asli dan jumlah peruntukan yang diluluskan.



JAWATAN KOSONG

ملك هاري اين
MELAKA HARI INI

EKSEKUTIF PEMASARAN

MOHON SEKARANG!

Emel : pentadbiranmhhsb@gmail.com
Hubungi : 06-251 9314
Tarikh tutup : 30 September 2021

SYARAT-SYARAT

- Kelayakan Ijazah Sarjana Muda atau Diploma dalam bidang berkaitan
- Pengalaman sekurang-kurangnya 3 tahun dalam bidang pemasaran dan pengiklanan khususnya di agensi pengiklanan atau media cetak dan digital
- Berkemahiran menganalisis sasaran dan trend pasaran semasa

MELAKA HARI INI
NO.TEL : 06 - 251 9314,
06 - 251 9315
FAX : 06 - 251 9316

PENGARANG KANAN
MUHD RIZANIZAM
ABDUL HAMID
mrizanizam@gmail.com

PENGARANG
MOHD HAMZATUL
AKMAR MD ZAKARIA
yondaim87@
melakaharini.my

PENGARANG DIGITAL
MEOR RIDUWAN
meor76riduwan@gmail.com

JURUFOTO KANAN
AZREN JAMALUDIN
m.azren86@gmail.com

WARTAWAN
LIANA SAHABUDIN
lilyann90@melakaharini.my

MOHD FAZRUL
ABDUL MAJID
fazrul@melakaharini.my

MOHD FAIZ ABU HASAN
faizhasan@melakaharini.my

FARAH SUHAIDAH
OTHMAN
farahothman@melakaharini.my

REKABENTUK & GRAFIK
AMBRAN MOHAMED
ambran@melakaharini.my

MIMIE AZURA
ABU BAKAR
mimiezura1981@
melakaharini.my

ZUL RAHIMI RAMLI
mk7.zul@melakaharini.my

PEMASARAN
PENGURUS
MUHAMMAD HAMZI
ROSMANI
amz@melakaharini.my
018-329 9936

UNIT MEDIA SOSIAL
EKSEKUTIF
IZAIDA RAIHANAH IDRIS
izraihanah363@gmail.com

SHARIFAH NORKHALIDAH
SYED KHAIDZIR
khalidah@melakaharini.my

MELAKA TV
KETUA
ASHALIA YUSOF
ashaliayusof@melakaharini.my

WARTAWAN PENYIARAN
MOHAMMAD FARIS HAIKAL
farishalkal.zakaria@
melakaharini.my

PENYUNTING VIDEO
RABIAH OSMAN
osmanrabiah@melakaharini.my

JURUKAMERA
ISMAIL IBRAHIM
dakmail92@melakaharini.my

AUFA IZZATI
AHMAD ZAILANI
aufaizzat98@melakaharini.my

AMIRUL RAMLI
amirul@melakaharini.my

Tiada pemotongan gaji guru JAIM – KM

Muhd Rizanizam

KERAJAAN negeri memberi jaminan tiada pemotongan gaji dilakukan terhadap guru-guru Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM).

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, beliau amat prihatin dan komited bagi menjaga kepentingan dan keabajikan penjawat awam di Melaka termasuk guru-guru JAIM.

"Semalam (22 Sept) saya sempat bertemu dengan Pengarah JAIM, saya sendiri bertanya, saya sama sekali tidak bersetuju kalau ada sebarang pemotongan gaji (guru-guru JAIM).

"Kalau naik gaji saya sokong dan pastikan tiada ada seorang pun guru-guru Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) ini yang dipotong gaji sementara mereka ini hari ini dalam hidup yang agak sukar akibat daripada pandemik COVID-19.

Beliau berkata demikian ketika menggulung usul Ahli Sunnah Wal Jamaah yang dicadangkannya pada Sidang DUN Melaka pada 23 Sept lepas.

Terdahulu, usul berkenaan dibahaskan empat ahli dewan termasuk Datuk Mohd Sofi Abdul Wahab (PH - Durian Tunggal) yang turut meminta penjelasan Sulaiman mengenai cadangan untuk menyeleraskan gaji-gaji guru JAIM.

Mengulas lanjut, Sulaiman (BN - Lendu) sebaliknya apa yang dibincangkan, adalah kajian yang sedang dilaksanakan kerajaan negeri bagi melihat implikasi terhadap sebarang cadangan penyelerasan gaji.

"Insya-Allah kerajaan negeri berjanji akan sentiasa menjaga kebajikan guru-guru JAIM ini, ini saya pastikan," katanya.



KEBAJIKAN guru-guru JAIM akan terus dijaga oleh Kerajaan Melaka. FOTO arkib MHI sebelum PKP

Pembangunan e-Sukan Melaka akan diperhebat

"Saya kira usaha kerajaan negeri untuk kerjasama dengan MEA dan agensi terlibat anjurkan kejohanan ini adalah satu platform yang baik, bagi cungkil bakat, saya fikir itu satu usaha tepat dalam tempoh penganjuran."

PEMBANGUNAN sukan elektronik atau e-Sukan akan diperhebat dari semasa ke semasa dalam memastikan bakat baharu anak negeri ini dapat dicungkil untuk diangkat ke peringkat tertinggi.

Exco NGO, Pembangunan Belia dan Sukan negeri Datuk Mohd Rafiq Naizamohideen berkata, pelbagai program pembangunan akan dirangka untuk memperkasa e-Sukan di negeri ini.

"Saya ambil maklum pandangan Yang Berhormat Ayer Keroh tentang keperluan kita tambah program seminar atau bengkel bagi tujuan pembangunan e-Sukan Melaka, kita (Kerajaan Melaka) akan berbincang dengan pihak Jabatan Belia dan Sukan Melaka, Majlis Sukan Negara negeri Melaka, dan Persatuan e-Sukan Melaka (MEA).

"Pada masa sama, saya kira usaha kerajaan negeri untuk kerjasama dengan MEA dan agensi terlibat anjurkan kejohanan ini adalah satu platform yang baik, bagi cungkil bakat, saya fikir itu satu usaha tepat dalam tempoh penganjuran.

"Kita dapat kenal pasti bakat baharu yang sebelum ini tidak ditonjolkan, tetapi mereka ini adalah yang berpotensi untuk diketengahkan dalam sukan elektronik ini, sama ada mewakili Melaka termasuk dalam SUKMA yang juga mempunyai kategori e-Sukan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menja-



RAFIQ

wab soalan tambahan dari Kerk Chee Yee (PH - Ayer Keroh) dalam Persidangan Pertama Penggal Keempat DUN Melaka Ke-14 pada 22 Sept lepas.

Pada masa sama, Rafiq turut menjelaskan Jawatankuasa Pemantau Esport Negeri Melaka diteruskan, sebagai antara komponen dalam pembangunan sukan elektronik negeri ini.

"Saya juga ingin maklum kepada Ayer Keroh, bahawa di peringkat kerajaan negeri, kita masih teruskan usaha yang telah diwujudkan iaitu Jawatankuasa Pemantau Esport Negeri Melaka, untuk merangka garis panduan penubuhan sukan elektronik ini," katanya.



JAWATAN KOSONG

PEMBANTU PERIBADI

SYARAT KELAYAKAN:

- Warganegara Malaysia
- Keutamaan kepada perempuan bujang berumur 25-35 tahun
- Beragama Islam
- Memiliki lesen memandu kelas D (manual & automatik)
- Memiliki kenderaan persendirian
- Keutamaan diberikan kepada anak kelahiran Melaka/menetap di Melaka

KELAYAKAN AKADEMIK/KEMAHIRAN KOMPUTER:

- Pemegang Diploma dari Institusi Pengajian Tinggi yang diiktiraf dan memiliki latar belakang dalam bidang Kesetiausahaan, Pentadbiran Awam, Media Massa dan yang berkaitan
- Membantu kerja-kerja pentadbiran dan mahir dalam penggunaan Microsoft Office, Excel dan Power Point
- Mahir menggunakan kamera dan kemahiran fotografi diutamakan

CIRI-CIRI YANG DIPERLUKAN:

- Semangat ingin belajar sesuatu yang baru
- Memiliki minimum 3 tahun pengalaman dalam bidang yang berkaitan
- Berpengalaman dalam bidang protokol dan mengambil tahu mengenai perkembangan fesyen terkini
- Mempunyai perwatakan menarik dan sentiasa rapi dalam pemakaian
- Mempunyai sikap yang positif, daya pemikiran yang kreatif & berdikari dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan
- Membuat kerja-kerja peribadi dan keluarga majikan
- Mengendalikan maklumat sulit majikan dengan penuh budi bicara
- Kebolehan memandu kereta mewah (jika diperlukan)
- Boleh bekerja secara "multi task"
- Boleh bekerja di luar kawasan bersama majikan (jika perlu)
- Patuh kepada waktu bekerja yang telah ditetapkan dan tidak berkira untuk bekerja lebih masa sekiranya diperlukan
- Boleh bekerja dalam tekanan dan tidak mudah melatah
- Boleh menerima arahan daripada majikan dari semasa ke semasa
- Bakat istimewa yang diperlukan: kebolehan menjahit, tatarias diri/muka dan boleh menjadi konsultan imej kepada majikan

CARA MEMOHON:
Resume lengkap (termasuk nombor telefon dan gambar berukuran pasport) hendaklah dihantar ke alamat emel berikut: hrrecruitment20.com.my@gmail.com sebelum/pada 30 September 2021.

Saran guna ejen pelancongan untuk bercuti di Melaka – MATTA

Liana Sahabudin

AYER KEROH – Persatuan Ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (MATTA) Melaka menyambut baik pengumuman Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya yang mencadangkan Melaka sebagai salah satu destinasi yang akan dibuka kepada pelancong domestik selepas Pulau Langkawi.

Presidennya, Goh Hock Gin berkata, pengumuman itu nyata memberi kelegaan buat pemain industri pelancongan yang kini tinggal 'nyawa-nyawa ikan' apabila pintu sempadan negeri ditutup.

Bagaimanapun, beliau berharap orang ramai dapat menggunakan ejen pelancongan yang berdaftar jika memilih Melaka sebagai destinasi percutian.

"Pemilihan ejen pelancongan sangat penting kerana ia diyakini lebih selamat dan dapat membantu memantau prosedur operasi standard (SOP) ketat dalam kalangan pengunjung.

"Jangan salah faham, khidmat ejen pelancongan berdaftar ini bukan diwajibkan, tapi sebenarnya kita memang galakkan mereka guna 'travel agent' sebab ia lebih selamat selain dapat memantau SOP ketat sepanjang bercuti di Melaka.



PENGGIAT pelancongan Melaka sedia menunggu pelancong.
GAMBAR fail MHI

"Kita ada 54 ejen pelancongan yang berdaftar di negeri ini yang mana kini 100 peratus sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin dan 95 peratus sudah lengkap vaksinasi.

"Kita juga sudah bersedia untuk mematuhi SOP ketat yang ditetapkan termasuklah memeriksa sijil vaksinasi pengunjung dan melakukan sanitasi berkala di premis dan kenderaan yang digunakan," katanya ketika dihubungi MHI.

Mengulas lanjut, beliau berkata pihaknya juga akan menyediakan pelbagai pakej pelancongan menarik di Melaka antaranya

pakej dengan harga serendah RM188 hingga RM388 bagi percutian tiga hari dua malam.

"Pelancong boleh memilih pakej yang diinginkan merangkumi penginapan di hotel serta pakej bersiar-siar di bandar (city tour) selama setengah hari," katanya.

Terdahulu, Menteri Pelancongan, Datuk Seri Nancy Shukri mengumumkan tiga destinasi iaitu Genting Highlands, Pulau Tioman dan Melaka telah diluluskan Mesyuarat Kuartet Menteri COVID-19 untuk dibuka kepada pelancong menerusi gelembung pelancongan domestik.

Persediaan 80 peratus jika pelancongan kembali operasi – MyBHA

AYER KEROH – Persatuan Hotel Bajet Malaysia (MyBHA) Melaka memaklumkan ahlinya kini berada pada tahap 80 peratus bagi persediaan pembukaan kembali sektor pelancongan di negeri ini.

Pengerusinya Sazali Sabri berkata, pengumuman Melaka sebagai satu daripada lokasi pelancongan tempatan yang bakal dibuka pada Oktober depan menerusi gelembung pelancongan memberi khabar gembira buat pemain industri perhotelan di negeri ini.

"Kami komited bagi memperkasakan kembali pelancongan negeri ini setelah hampir dua tahun terjejas akibat penularan COVID-19.

"Setakat ini pelbagai persiapan telah dilaksanakan kesemua pemain industri di Melaka jika sektor pelancongan dibenarkan dibuka tidak lama lagi.

"Persiapan sekitar 80 peratus telah dilaksanakan ahli persatuan ini bagi menyediakan perkhidmatan yang lengkap dan selamat buat pelancong yang akan menginap di hotel kami,"

katanya kepada MHI.

Jelasnya, setakat ini terdapat hotel di bawah persatuannya telah kembali beroperasi di negeri ini termasuk membenarkan makan di kafe premis hotel.

"Bila sempadan negeri dibuka kita yakin sambutan terhadap pelancongan Melaka akan meningkat seperti mana kebenaran yang diberikan di pusat pelancongan Port Dickson, Negeri Sembilan," katanya.

Pada masa sama, Sazali menasihatkan semua pemain industri supaya mengetatkan

Prosedur Operasi Standard (SOP) sebagai garis panduan utama agar tiada penularan berlaku setelah sektor itu dibuka.

"Alhamdulillah, kita bersyukur dan lega apabila Menteri Pelancongan, Datuk Seri Nancy Shukri mengumumkan Melaka antara negeri pelancongan yang dibenarkan dibuka tidak lama lagi.

"Namun, kita perlu sentiasa mengingatkan pada pemain industri mahupun pelancong untuk mengetatkan SOP ketika berada di negeri ini," katanya.

UMNO, belia dan NGO sambut baik inisiatif TS35

BANDARAYA MELAKA – Pelbagai pihak menyambut baik inisiatif kerajaan negeri memperkenalkan Transformasi Sejahtera Politik dan Pentadbiran 2035 (TS35) yang disifatkan sebagai ramuan terbaik mengeratkan hubungan kerjasama antara parti politik di Melaka.

Ketua UMNO Bahagian Kota Melaka, Datuk Abidullah Salleh berkata, hanya melalui kestabilan politik dan hubungan perpaduan yang erat antara kerajaan dan pembangkang dapat memastikan kebajikan rakyat terus diberi perhatian sewajarnya.

"Saya yakin rakyat sudah bosan dengan perbalahan dan perbezaan pendapat dalam politik, walhal banyak lagi masalah rakyat perlu diberi perhatian terutama dalam keadaan pandemik ketika ini," katanya ketika dihubungi MHI.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas tawaran Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali kepada pembangkang di negeri ini di bawah inisiatif TS35 bertujuan mencapai kestabilan

politik, pemulihan ekonomi dan mengekang wabak COVID-19.

Ketika mengumumkan perkara itu pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) pada 21 Sept lalu, Sulaiman menggariskan inisiatif di bawah TS35 bagi membina perpaduan 'Keluarga Besar Melaka'.

TS35 merupakan lanjutan daripada inisiatif 'Keluarga Malaysia' yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob baru-baru ini.

Selain itu, menurut Setiausaha Bersama Pemuda Muafakat Nasional, Datuk Rais Yasin, hanya melalui formula kesepakatan dan muafakat antara kerajaan dan pembangkang akan mampu mengatasi situasi serba mencabar kini dengan pandemik COVID-19.

"Amat baik sekali inisiatif yang diperkenalkan ini yang sebahagian besarnya menekankan matlamat untuk memberi khidmat bakti terbaik kepada rakyat.

"Dalam situasi yang serba mencabar hari ini, kita sepatutnya mencari kesamaan dan muafakat untuk bersama menghadapi

isu-isu yang berlaku, sesuai dengan suasana pandemik ketika ini," katanya.

Sementara itu, Naib Presiden Majlis Gabungan Belia Melaka (MGBM), Mohamad Hasrul Hassan berkata, TS35 adalah langkah bijak yang dapat mengeratkan kerjasama dan kesepakatan antara parti politik seterusnya menyuburkan lagi ikatan perpaduan antara kaum.

"Bila perpaduan ini diutamakan maka semua perkara yang berkaitan dapat ditangani dengan berkesan bagi mencapai satu matlamat utama iaitu menyediakan khidmat yang lebih berkesan kepada rakyat," katanya.



MOHAMAD Hasrul



Segera atas masalah rakyat, jangan tunggu sidang DUN

SIDANG DUN Melaka berlangsung dengan lancar sepanjang empat hari bermula Isnin minggu lalu dengan ucapan Yang di-Pertua Negeri, Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam.

"Tok Leman" pun nampaknya berpuas hati berbanding sebelum ini dengan perjalanan sidang bukan saja lancar, malah pembabitkan ADUN dalam berbahas juga amat baik. Mat tumpang bangga.

Beliau kata, pembahas baik pembahasannya dan banyak intipati dilontarkan pihak pembangkang kepada pihak kerajaan.

Malah, pihak kerajaan juga dapat memberikan jawapan cukup tuntas untuk dihadap pihak yang menanyakan soalan.

Inilah sepatutnya berlaku dalam sidang DUN yang menjadi 'medan' untuk mengangkat masalah rakyat dan menentukan penyelesaian terbaik bagi mengatasinya.

Mat mengikuti Sidang DUN kali ini, biarpun ada persoalan tertentu tidak sempat diutarakan, tidak perlu melenting masa berbahas dihadkan kerana tidak bermakna nasib rakyat diketepikan.

Seperti kata timbalan speaker, selari tawaran kerajaan kepada pembangkang selaku rakan strategik, penyelesaian masalah rakyat tidak harus dihadkan hanya dalam sidang DUN.

Mat amat setuju, bila mana masalah rakyat ini dapat diselesaikan pada sebilang masa.

ADUN berkaitan harus ambil peluang untuk terus berjumpa dengan agensi kerajaan berkaitan untuk setiap masalah dilaporkan rakyat.

Dak Mat: Bekerja dalam senyap

Jangan 'kalut' nak buka segera pelancongan negeri

MAT pasti ramai teruja dan gembira dengan pengumuman kerajaan untuk barkan rentas negeri selepas negara mencapai 90 peratus kadar vaksinasi dewasa.

Dijangkakan kurang sebulan dari sekarang kebenaran itu boleh diberikan termasuk aktiviti gelembung pelancongan domestik.

Kebeneran itu sememangnya ditagih penggiat pelancongan di Melaka bagi memacu kembali industri itu yang 'lumpuh' sejak PKP dilaksanakan.

Pelbagai persediaan telah pun dilakukan termasuk melengkapkan vaksinasi pemain industri.

Dari satu segi, Mat bersetuju ketegasan Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali bahawa sektor pelancongan negeri tidak akan dibuka pada 1 Oktober dan akan mengikut ketetapan Kerajaan Pusat.

Pandangan Mat, keputusan ini amat tepat kerana kita tidak mahu kegembiraan boleh melancong dan merentas negeri akhirnya bertukar duka.

Ini kerana virus COVID-19 masih aktif di Malaysia dengan varian baharu yang lebih mudah menjangkiti termasuk mereka yang lengkap dua dos vaksin.

Ini terbukti apabila 10 daripada 8,507 pengembara dikesan positif sebelum terbang ke Langkawi setakat 17 September lalu dengan lima lagi adalah kontak rapat.

Mujur SOP ketat dibuat dan mengesan mereka kerana ia merupakan projek rintis gelembung pelancongan domestik.

Dak Mat: Biar lambat asal selamat

Kurangkan harga kit ujian sendiri semurah yang boleh

INISIATIF kerajaan menetapkan harga syiling runcit set kit ujian sendiri COVID-19 pada harga RM19.90 dan RM16 bagi borong pasti melegakan rakyat secara amnya.

Harga di bawah RM20 ini agak berpatutan dan sedikit melegakan orang ramai berbanding harga asal RM39.90 seunit.

Mat terbaca kerajaan juga akan menyemak berterusan untuk menurunkan lagi harga kit ujian ini agar berpatutan kepada rakyat menjelang akhir tahun.

la berita baik yang sememangnya ditunggu-tunggu rakyat dalam norma baru penjagaan kesihatan, seperti juga isu harga pelitup muka pada awal pandemik.

Kita harap diturunkan semurah yang boleh berbanding hampir RM20 sekarang supaya setiap keluarga mampu memilikinya pada setiap waktu.

Jadinya, mereka boleh melakukan ujian COVID-19 secara berkala untuk seluruh ahli keluarga.

Jika ada kalangan ahli keluarga positif jangkitan, mereka boleh segera melakukan kuarantin sendiri.

Di atas semua ini, Mat rasa campur tangan kerajaan penting bagi mengelak pihak tertentu mengambil kesempatan menjual kit pada harga tinggi ketika rakyat tersepit dengan pandemik.

Dari satu segi kita juga berterima kasih kepada kerajaan apabila memperuntukkan lebih RM471.6 juta bagi pemberian Pakej Penjagaan COVID-19 (PPC) kepada keluarga B40.

Selain pek pelitup muka guna semula (4 keping setiap keluarga), ada kit ujian sendiri COVID-19 (empat kit setiap keluarga), satu pulse oximeter, termometer serta risalah panduan penggunaan dan info kesihatan.


Dak Mat: Kerajaan prihatin, rakyat sejahtera

GALERI FOTO PERSIDANGAN PERTAMA PENGGAL KEEMPAT DUN MELAKA KE-14

YANG di-Pertua Negeri Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam (duduk tengah) bergambar bersama Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali (duduk tiga kiri), Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Datuk Seri Ab Rauf Yusoh (duduk tiga kanan) serta barisan Exco kerajaan negeri dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) selepas selesai ucapan pembukaan Persidangan Pertama Penggal Keempat DUN Melaka ke-14 di Seri Negeri pada 20 Sept lepas. Foto MR Azli



MOHD Ali (dua kanan) diiringi Ab Rauf (kanan) beramah mesra dengan barisan Exco kerajaan negeri selepas selesai ucapan pembukaan Persidangan Pertama Penggal Keempat DUN Melaka ke-14 pada 20 Sept lepas.



SULAIMAN (kiri) menghulurkan naskah ucapan kepada Mohd Ali dalam sesi pembukaan Persidangan Pertama Penggal Keempat DUN Melaka ke-14 pada 20 Sept lepas.

SULAIMAN (dua kanan) sempat menyapa wakil pembangkang ADUN Bukit Katil, Adly Zahari (kiri), ADUN Kota Laksamana, Datuk Low Chee Leong (kanan), ADUN Ayer Keroh Kerk Chee Yee (tiga kiri) dan ADUN Gadek G. Saminathan (dua kiri) pada hari ketiga (22 Sept) Persidangan Pertama Penggal Keempat DUN Melaka ke-14.



URUSETIA Pendaftaran Persidangan DUN menjalankan tugas pada hari ketiga (22 Sept) Persidangan Pertama Penggal Keempat DUN Melaka ke-14. Foto MR Azli



EXCO Pertanian, Penternakan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Norhizam Hassan Baktee menjawab pertanyaan-pertanyaan mulut pada hari terakhir (23 Sept) Persidangan Pertama Penggal Keempat DUN Melaka ke-14. Foto MR Azli



TIMBALAN Speaker DUN Datuk Wira Ghazale Muhamad ketika mengawal situasi dewan pada hari terakhir (23 Sept) Persidangan Pertama Penggal Keempat DUN Melaka ke-14. Foto MR Azli



KELIHATAN salah seorang pengawal keselamatan menjalankan prosedur operasi standard (SOP) di pintu masuk Kompleks Seri Negeri sempena Persidangan Pertama Penggal Keempat DUN Melaka ke-14 pada 20 Sept lepas. Foto MR Azli



PENGUNJUNG yang hadir ketika mendaftar bagi menjalani ujian saringan pada hari kedua (21 Sept) Persidangan Pertama Penggal Keempat DUN Melaka ke-14 di perkarangan Blok Bentara, Seri Negeri. Foto MR Azli



ANTARA sebahagian pemerhati yang hadir pada hari ketiga (22 Sept) Persidangan Pertama Penggal Keempat DUN Melaka ke-14. Foto MR Azli



KELIHATAN Urusetia Persidangan DUN (kanan) menjalankan tugas memberi air minuman kepada salah seorang petugas terlibat pada hari ketiga (22 Sept) Persidangan Pertama Penggal Keempat DUN Melaka ke-14. Foto MR Azli

MIMBAR MAIM

"Benar-benar sangat beruntung orang-orang yang membersihkan diri dengan beriman dan sentiasa berzikir menyebut nama Tuhannya serta mengerjakan sembahyang." (Surah Al-A'la, ayat 14-15)

"Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan, dan kekurangan dari harta benda serta jiwa dan hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang yang sabar." (Surah Al-Baqarah, ayat 155)

Kebajikan asnaf dijaga, disantuni

Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my

ALOR GAJAH - Dalam usaha Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) menangani kemiskinan, tiga objektif utama diberi penekanan iaitu mengurangkan kadar kemiskinan, mengeluarkan mereka dari belunggu kemiskinan dan mendidik mereka untuk berdikari.

Bagi mencapai objektif ini, MAIM mengagihkan zakat meliputi empat program utama iaitu program pem-

angunan sosial, insaniah dan pendidikan.

Penekanan ke empat-empat program ini memberi keseimbangan kepada segenap sudut sama ada jasmani, emosi, rohani dan intelek untuk membolehkan asnaf membangunkan diri dan jiwa mereka.

Secara keseluruhannya melibatkan 19 jenis bantuan untuk asnaf fakir dan miskin di negeri ini bergantung kepada keperluan bagi menangani desakan hidup mereka.

Penekanan terhadap pro-

gram pembangunan sosial, penting bagi memastikan asnaf fakir miskin dapat hidup dengan selesa lebih-lebih lagi dari aspek perlindungan, makanan bulanan, kewangan bulanan dan sakit kronik.

Fokus utama MAIM kepada keempat-empat bantuan ini dapat membantu asnaf fakir miskin memberikan tumpuan berusaha menambah pendapatan keluarga tanpa perlu lagi memikirkan tentang desakan tempat tinggal atau kewangan bulanan atau musibah penyakit yang



IKRAM turut menyampaikan sumbangan wang tunai dan kit makanan kepada asnaf, Abdul Wahab Mohamad.

dihadapi.

Pembangunan insaniah pula, diterapkan elemen keseimbangan antara dunia dan akhirat di jiwa asnaf dengan penerapan pelbagai program dan kursus berbentuk kemahiran dan kerohanian.

Ini bagi memupuk semangat jati diri asnaf yang berkeyakinan dan mampu berdaya saing dalam dunia yang serba mencabar khususnya membentuk keluarga yang berjaya dari sudut peningkatan jasmani dan rohani.

Keperluan pendidikan

// MAIM mengagihkan zakat meliputi empat program utama iaitu program pembangunan sosial, insaniah dan pendidikan. //

juga bukan sahaja diterapkan kepada ibu bapa malahan dikalangan anak-anak mereka agar mereka sedar bahawa hanya dengan pendidikan, mereka mampu mengubah hidup keluarga mereka agar tidak mewarisi kemiskinan.

Bagi aspek pendidikan ini MAIM membantu anak-anak asnaf fakir dan miskin ber-

mula dari sekolah rendah dan sekolah menengah malah diteruskan ke institusi pengajian tinggi.

Pastinya bantuan yang disediakan merangkumi pembiayaan yuran persekolahan dan kelengkapan persekolahan serta bantuan persediaan komputer riba, wang saku hati dan sebagainya.



SETIAUSAHA MAIM, Muhammad Ikram Ibrahim meninjau keadaan rumah asnaf yang uzur di Kampung Bukit Tambun di DUN Durian Tunggal.

LAPORKAN KEPADA MAIM MEREKA YANG DALAM KESUSAHAN

<p>Melaka Tengah 06-283 7416 / 06-284 9809 06-288 1881 / 06-288 1882</p>	<p>Jasin 06-529 8415 06-529 8417</p>	
<p>Alor Gajah 06-384 2699</p>	<p>Merlimau 06-263 9505</p>	
<p>Website www.maim.gov.my</p>	<p>Email admin@maim.gov.my</p>	
<p>Youtube majlis agama islam melaka</p>	<p>Facebook facebook/maimmelaka</p>	

"Pengagihan zakat yang telus amanah kami"



Zakat Diberkati, Asnaf Disantuni

Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my



PRIHATIN...Timbalan Pengerusi MAIM, Datuk Wira Md Rawi Mahmud bersama Mufti Melaka, Datuk Wira Abdul Halim Tawil hadir di majlis ringkas penyampaian sumbangan kit makanan daripada Malaysia Building Society Berhad (MBSB) Bank Berhad melalui skim wakalah zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).
Sejumlah 1000 kit makanan asas berupa beras, tepung, gula dan juga minyak masak diserahkan kepada MAIM yang antara lain akan diagihkan kepada asnaf tegar serta mereka yang terkesan di sekitar negeri ini.
Hadir sama Penolong Pegawai Besar Hal Ehwal Korporat PPZ-MAIWP, Nor Mukshar Harun dan Setiausaha MAIM, Muhammad Ikram Ibrahim.



TINJAU...Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) bersama beberapa agensi terlibat melakukan tinjauan ke Tanah Perkuburan Islam Bidadari milik MAIM bagi mewujudkan penempatan berpusat jenazah mangsa COVID-19 negeri Melaka.
Projek berkenaan dijangka akan dilaksanakan bermula November ini dan mendapat kerjasama Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM), Jabatan Mufti Negeri Melaka (JMNM) dan Jabatan Kerja Raya (JKR).
Turut sama kerjasama ini Tenaga Nasional Berhad (TNB), Pejabat Daerah & Tanah Melaka Tengah (PDTMT), Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB), Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ).

Jagalalah hubungan dengan Allah SWT

Datuk Hj. Ibrahim Bin Fadzil

Ketua Pegawai Eksekutif,
Zakat Melaka,
Majlis Agama
Islam Melaka.



SETIAP umat Islam wajib bertakwa dan menjaga hubungan dengan Allah SWT. Secara umumnya, perhubungan baik dengan Allah SWT adalah dengan cara menunaikan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Sebagaimana Surah Adz-Dzaariyaat ayat 56 yang bermaksud: *"Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia, melainkan untuk mereka menyembah dan beribadah kepadaku"*.

Sebagai seorang muslim, kita wajiblah mengambil tahu sepertimana tuntutan Rukun Islam yang lima. Secara dasarnya, kelima-lima Rukun Islam ini bertindak sebagai tiang agama Islam yang suci. Rukun Islam yang pertama adalah mengucap dua kalimah syahadah. Seseorang yang ingin menjadi individu muslim adalah wajib untuk mengucap dua kalimah syahadah terlebih dahulu; "Aku naik saksi bahawa tiada Tuhan yang layak disembah melainkan Allah SWT dan aku naik saksi bahawa Nabi Muhammad itu pesuruh Allah SWT". Kalimah syahadah tersebut menjelaskan bahawa yang patut disembah hanyalah Allah SWT sahaja. Tidak ada Tuhan selain Allah SWT dan Allah SWT yang menguasai seluruh isi alam semesta.

Rukun Islam kedua adalah menunaikan solat wajib lima waktu. Teorinya, kita berkomunikasi dengan Allah SWT melalui solat, dimana kita dituntut untuk menunaikan solat dengan khusyuk dan disudahi dengan berzikir memuji-muji Allah SWT serta berdoa kepada-Nya. Sebagai hamba-Nya, kita boleh meluahkan apa sahaja yang kita rasai tanpa rasa bimbang

atau khawatir rahsia itu akan diketahui oleh orang lain. Allah SWT Maha Pendengar dan Maha Penyayang. Setiap hari umat Islam wajib menunaikan lima kali solat wajib iaitu Solat Subuh, Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak.

Seterusnya, Rukun Islam yang ketiga adalah menunaikan ibadah puasa di bulan Ramadan. Setiap tahun, umat Islam akan berpuasa dan menahan diri dari lapar di siang hari selama sebulan. Sepanjang bulan Ramadan, kita bukan sahaja dilatih untuk menahan diri dari berlapar, malah kita juga belajar untuk menahan anggota badan dari perkara yang membatalkan puasa dari terbit fajar sehingga terbenam matahari. Bulan Ra-madan juga merupakan bulan yang ditunggu-tunggu oleh umat Islam kerana merupakan bulan yang penuh kemuliaan dan di dalamnya terkandung malam Lailatulqadar.

Rukun Islam keempat adalah menunaikan ibadah zakat iaitu Zakat Fitrah dan Zakat Harta. Zakat dari segi syarak adalah mengeluarkan sebahagian daripada harta yang tertentu kepada golongan tertentu apabila cukup syarat-syaratnya. Konsepnya, zakat adalah merupakan penggerak ekonomi dan jaminan sosial bagi golongan yang tidak mampu supaya memainkan peranan dalam ekonomi.

Sebagai contoh, golongan asnaf diberi sumbangan bukan sahaja dari segi bantuan kewangan, malah mereka juga diberikan ilmu tambahan bagi meningkatkan taraf hidup serta ekonomi yang boleh digunakan sebagai pemangkin untuk berjaya. Buktinya, ramai di antara asnaf yang telah berjaya keluar daripada kemiskinan dan kini menjadi pembayar zakat pula. Begitulah kitaran manusia ada yang miskin dan ada yang kaya, ada yang senang dan ada yang susah. Jadinya, kita perlulah bantu-membantu antara satu sama lain sepertimana yang dituntut dalam syariat Islam.

Baru-baru ini, seluruh dunia khususnya bumi Malaysia sedang diuji dengan pandemik COVID-19. Akibatnya, ramai di kalangan kita

yang terkesan dan terjejas. Terdapat juga mereka yang terputus bekalan makanan akibat pandemik COVID-19 ini. Justeru itu, umat Islam amat dituntut bersama-sama membantu mereka yang terjejas dengan menunaikan ibadah zakat ini. Sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah At-Taubah ayat 103; *"Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan menyucikan mereka (dari akhlak yang buruk) dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui"*.

Akhir sekali, Rukun Islam kelima adalah menunaikan ibadah haji bagi mereka yang mampu. Semua umat Islam yang mampu wajib mengerjakan haji. Umat Islam harus mengerjakan rukun ini sekurang-kurangnya sekali dalam hidup kita. Ibadah haji tidak sama sebagaimana ibadah lain yang boleh dilakukan

sewaktu berada di tempat kediaman di negeri sendiri. Sebaliknya, ibadah haji hanya boleh dikerjakan di kota suci Mekah dan dilakukan dalam musim haji sahaja iaitu pada bulan Zulhijjah. Oleh itu, kita sebagai hambanya perlu memasang niat untuk mengerjakan haji di samping berusaha untuk memenuhi keperluan yang diperlukan. Ini kerana haji merupakan satu jihad iaitu satu perjuangan dalam Islam.

Kesimpulannya sebagai umat Islam yang beriman dan bertakwa kepada Allah SWT, haruslah sentiasa menjaga hubungan baik dengan Allah SWT dengan melakukan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Hal ini kerana Allah SWT akan memenuhi hati kita dengan rahmat-Nya di setiap masa, waktu dan ketika. In Sha Allah.

Sebarang pertanyaan dan pembayaran zakat bolehlah layari www.izakat.com atau menghubungi di talian 1-300-88-0233 di Zakat Melaka atau tinggalkan mesej di talian whatsapp 011-58583885 untuk info lebih lanjut.

Sebarang Pertanyaan Mengenai Zakat Sila Hubungi Di Talian :
Ibu Pejabat, Tel : 06-2812443 / 2441 / 2442 Faks : 06-2818154

- Cawangan Alor Gajah, Tel : 06-5562340
- Cawangan Masjid Tanah, Tel : 06-3845453
- Cawangan Jasin, Tel : 06-5294635
- Cawangan Merlimau, Tel : 06-2633148
- Cawangan Pulau Sebang, Tel : 06-4413358
- Cawangan Utc Melaka, Tel : 06-2831440

Talian Zakat : 1-300-88-0233 WhatsApp
: Info Pertanyaan Zakat - (011-58583885) Aduan Asnaf Zakat
- (011-58583900) Laman Web : www.izakat.com

PEMBAYARAN ZAKAT DALAM TALIAN

Kaedah 1



izakat.com

- > Isikan maklumat
- > Pilih jenis zakat & jumlah
- > Pembayaran melalui online banking



Sila Imbas
www.izakat.com



1-300-88-0233 www.izakat.com Zakat Melaka



Hanya 2.5%

"Sedikit Diberkati, Banyak Dikongsi"

Beribadah Di Hujung Jari, Layari: www.izakat.com

1-300-88-0233 www.izakat.com Zakat Melaka



MUFTI Melaka, Datuk Wira Abdul Halim Tawil bersama Timbalan Mufti, Hazarudin Baharudin menyampaikan sijil tauliah agama kepada beberapa tenaga pengajar dan pendakwah di sekitar negeri ini.



KONGSI REZEKI...sebahagian asnaf dan mereka yang memerlukan menerima sumbangan kit makanan daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) Cawangan Melaka yang telah diagihkan oleh Majlis Agama Islam Melaka (MAIM).

Satu Amal
mencipta
Sejuta Manfaat

Join Berwakaf

"Apabila matinya anak Adam, maka terputuslah pahala amalannya kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat atau anak yang soleh yang sentiasa mendoakannya"
-Hadith Riwayat Muslim

Kemanakah Wakaf Anda?

- Wakaf Pendidikan
- Wakaf Perubatan
- Wakaf Masjid, Surau & Madrasah
- Wakaf Pembangunan
- Wakaf Am

5 Kaedah Berwakaf

- Di Kaunter**
Ara bawah Bangunan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM)
- Melalui Akaun**
BANK ISLAM
04015010017434
Saham Wakaf Majlis Agama Islam Melaka
- Potongan Gaji**
Secara Bulanan
Minima RM2.00
- Aplikasi BOOST**
Muat Turun di Google Play Store & Apple App Store
- e-BAYAR**
Bayaran Wakaf Tunai
Bayaran Fidyah
ebayar.melaka.gov.my

Untuk maklumat lanjut, sila layari Portal iwakaf.maim.gov.my

Perundangan
Mengikut Seksyen 77, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 menjelaskan :
"Walau apa pun peruntukan yang berlawanan yang terkandung dalam mana-mana surat cara atau pengisytiharan yang mewujudkan, mengawal atau menyetuh perkara itu, Majlis hendaklah menjadi Pemegang Amanah Tunggal Wakaf Negeri Melaka"

Fatwa Kebangsaan
Berwakaf dalam bentuk wang tunai adalah **DIBOLEHKAN** di dalam Islam
(Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwat Agama Islam Malaysia kali ke - 77 yang bersidang pada 10-12 April 2007 di Primula Beach Resort, Kuala Terengganu)



COURTYARD VILLAS

Country Villas Resort , Malacca



PHASE 4 TORREY PINES



ABOUT THE PROPERTY

Country Villas Resort is a guarded community project which brings out the best of nature and healthy country living of your family, our Villas are designed to give you optimum space, comfort, luxury and excellence.

OUR PROPERTY FEATURES

- Garden Courtyard
- Smart Door Lock
- 2-Cars Garage
- 12' Ceiling High
- 4 Beds + 4 Baths
- Living Room
- Free 2 Years UNIFI
- Dining Room



+6013 352 0688

+6013 533 5688

+6013 618 0688

*No. Lesen Pemaju Perumahan: 12308-5/02-2022/01182(L) *Tempoh Sah: 19/02/2021 hingga 18/02/2022 *No. Permit Iklan Jualan: 12308-5/02-2021/01182(P) *Tempoh Sah: 19/02/2021 hingga 18/02/2022
*Pihak Berkuasa Meluluskan Pelan Bangunan: Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya *No. Rujukan Kelulusan Pelan Bangunan: MPHTJ/JKB/03511/11/2017 *Tarikh Jangka Siap: August 2021 *Pegangan Tanah: 99 Tahun
*Tarikh Tamat Pajakan: 26 November 2118 *Bebanan Tanah: Tiada *Bilangan unit: 183 *Jenis: Rumah Teres 2 Tingkat, Harga (Min.): RM 500,000.00 Harga (Maks.): RM 730,000.00
*Syarat-syarat Nyata: Tanah ini hendaklah digunakan untuk mendirikan rumah kediaman sahaja *Sekatan-sekatan kepentingan: Kod B: Tiada

IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA



SMART A+

WWW.KIBGIM.COM SCAN HERE

SOALAN LATIHAN & TEKNIK
MENJAWAB SPM
SUBJEK: SEJARAHJOM BERSAMA KIBGIM MENDIDIK &
MENGINSPIRASI
HUBUNGI: 011-15116270 / 019-2886270

BAB 6 TINGKATAN 5

TAJUK : CABARAN SELEPAS PEMBENTUKAN MALAYSIA

BAHAGIAN A - SOALAN OBJEKTIF

- Antara berikut yang manakah tidak dilaksanakan selepas peristiwa 13 Mei 1969?
 - Rukun Negara
 - Penggubalan Parlimen
 - Dasar Ekonomi Baru
 - Penubuhan Majlis Gerakan Negara
- Cabaran-cabaran yang perlu dihadapi selepas pembentukan Malaysia pada 16 September 1963 adalah
 - Mengaplikasi prinsip "tolak ansur etnik" yang diamalkan semenjak CLC ditubuhkan
 - Rusuhan etnik Melayu-Cina di Singapura pada 21 Julai dan 3 September 1964
 - Ancaman Komunis di Sarawak
 - Pemberian autonomi kepada Sabah dan Sarawak melalui perjanjian antara persekutuan dan kerajaan Sabah
 - I dan II
 - II dan IV
 - II dan III
 - I dan IV
- "Penyatuan etnik yang berbeza latar belakang menjadi suatu entiti yang terikat oleh norma dan nilai serta kepentingan bersama." Antara berikut yang manakah membawa maksud di atas?
 - Akulturas
 - Intergrasi
 - Asimilasi
 - Segrasi
- Apakah tujuan Dasar Ekonomi Baru (DEB) diperkenalkan?
 - Menggalakkan pelabur asing melabur di negara.
 - Menguatkan ekonomi negara.
 - Meningkatkan taraf hidup masyarakat.
 - Meningkatkan kemajuan ekonomi serta menghapuskan pengenalan ekonomi berdasarkan etnik.
- Apakah falsafah yang menjadi panduan kerajaan dalam mencapai perpaduan masyarakat?
 - Peningkatan dan kesamarataan.
 - Bersatu teguh bercerai roboh
 - Pertumbuhan dan agihan
 - Satu Malaysia
- Usaha yang diambil bagi menyeimbangkan hubungan antara Persekutuan Malaysia dengan Singapura termasuklah
 - memajukan sistem kewangan
 - menyusun semula masyarakat
 - mempelbagaikan kegiatan ekonomi
 - membuka pejabat pentadbiran kerajaan
- Apakah langkah yang diambil oleh Malaysia untuk mengatasi masalah Peristiwa 13 Mei?
 - Menghentikan pilihan raya
 - Meminta bantuan Indonesia
 - Membentuk Majlis Gerakan Negara
 - Meminta bantuan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
- Berikut adalah cabaran pembangunan dan sosioekonomi yang dihadapi di Sabah dan Sarawak, kecuali
 - Mempelbagaikan kegiatan ekonomi
 - Memajukan sistem perhubungan dan pengangkutan
 - Memajukan sistem pendidikan
 - Cabaran perpaduan kaum
- Komunis Kalimantan Utara (PKKU), Pasukan Rakyat Kalimantan Utara (PARAKU), dan Pasukan Gerila Rakyat Sarawak (PGRS). Apakah persamaan organisasi-organisasi tersebut?
 - Berjuang untuk membentuk republik komunis di Sarawak.
 - Menyerang kawasan Batu Kitang, Kuching pada 5 Ogos 1952.
 - Meletupkan Tugu Negara pada 26 Ogos 1975.
 - Menyerang hendap pasukan keselamatan di Kroh, Perak yang mengorbankan seramai 16 anggota keselamatan.
 - I dan II
 - II dan IV
 - I dan III
 - III dan IV
- Terdapat pelbagai isu pembangunan ekonomi yang perlu ditangani oleh kerajaan di dalam Rancangan Malaysia Pertama. Antara isu-isu tersebut ialah
 - Terlalu bergantung pada eksport petroleum dan kayu balak.
 - Pertanian komersial terlalu popular di kalangan petani.
 - Kejatuhan harga bahan mentah.
 - Penduduk yang terlibat dalam bidang pertanian masih ketinggalan terutama penggunaan teknologi dan peralatan.
 - I dan II
 - II dan III
 - I dan IV
 - III dan IV
- Mengapakah Sarawak dan Sabah ingin kekal di bawah pentadbiran British sewaktu cadangan pembentukan Malaysia?
 - Pembangunan wilayah terjamin.
 - Pemimpin tempatan terlibat dalam pentadbiran.
 - Keselamatan negeri dijamin oleh pihak British.
 - Tidak berkeyakinan membentuk kerajaan sendiri
- Selain dari getah dan bijih timah, hasil bahan asli yang disumbangkan oleh Sabah dan Sarawak yang meningkatkan eksport negara adalah
 - Lada hitam
 - Petroleum
 - Buah pala
 - Kopi
 - I dan II
 - II dan IV
 - I dan III
 - III dan IV
- Yang manakah bukan sebahagian daripada cabaran politik yang dihadapi oleh Sarawak selepas pembentukan Malaysia?
 - Pemecatan Ketua Menteri Sarawak oleh Gabenor pada Jun 1966.
 - Undi tidak percaya Council Negri terhadap Ketua Menteri Sarawak, Stephen Kalong Ningkan.
 - Pengistiharan darurat di Sarawak pada September 1966.
 - Pelantikan Tawi Sli menggantikan Stephen Kalong Ningkan sebagai Ketua Menteri Sarawak

JAWAPAN

1.B	2.C	3.B	4.D	5.C	6.B	7.C	8.D
9.A	10.D	11.C	12.A	13.D			



PROF. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican

The Kadazandusun and Fuad Stephens: Journalism and the creation of an Identity

ON 30 June 1960, the *North Borneo News* and *The Sabah Times* (*NBNST*) published an article titled "Dusun or Kadazan." It was penned by Donald Stephens, journalist and President of Society of Kadazan.

"Why should Dusun be called Kadazan?" Stephens have often been asked the question, and felt that he should clarify the issue, "on the day when the natives celebrate their first official holiday." He argued that there was no "stigma to the name Dusun, "a good name which has been used for many years to describe the Kadazan people of this country."

He clarified that the name had been in use for so long that many Kadazan know themselves only as Dusun and when using the word Kadazan or Kadayan they take the word to mean "people" and not as the race to which they belong. But he argued that Dusun was an imported word and the "so-called Dusun" name was first used by traders along the coast and by the Brunei overlords. The name was subsequently accepted by

the Chartered Company as the generic name for the Kadazan people.

The name Dusun, however to Stephens was derogatory, referring to the "people of the country side," in the sense that "we refer to the country folks as yokels." Hence he argued for the change of name, rationalizing that "the educated Kadazans and those who have some pride to their race feel that the name should be changed to what they believe to be their true name - KADAZAN.

Stephens was writing as editor, publisher and owner of the newspaper. He was making a claim for the name Kadazan, in responding to the "rising pride among the Kadazan people and the knowledge of their desire to be known by their own name and not by a name which they feel had been nothing but a label handed on them, put by others without their consent."

In his article, he told that he started a column in *NBNST* called 'Kadazan Corner' adding that Radio Sabah had a slot called the 'Kadazan

Section.'

The *NBNST* was the merging of two newspapers, the Sandakan-based *North Borneo News* (1949) and the then Jesselton-based *The Sabah Times* (1953). Stephens was earlier a journalist for the Sandakan-based fortnightly. He wrote much on Sabah's indigenous communities, subsequently having his own columns under the title 'Rambler' and 'Roderick.' This was before 1940.

According to the president of the Sabah Journalist Association, Datuk Joniston Bangkuai, Stephens later started *The Sabah Times* in Jesselton in Januari 1953. In his portrait of Stephens in conjunction with the award as the fourth recipient of the *Tokoh Wartawan Malaysia* (Jour-

nalism Laureate) in 1998, titled "Tun Mohammed Fuad Stephens: Pengasas Kewartawanan Sabah," (2017), Bangkuai described on the man's vision and activism, among others his expressions against colonial policies and practices of oppressing the "kaum pribumi."

Under the new newspaper, *NBNST*, Stephens created a column in Bahasa Kadazan edited by his friend Fred Sinidol. Together with Sinidol, they advocated for Kadazan rights and culture. In the 1950's Stephens published a series of writings highlighting the Kadazan community. He brought attention to issues on land, recognition and protection of rights. Subsequently in 1960, the *Pesta Tuai* (Harvest Festival), also known as the *Pesta Kaa-matan*, was recognized as a public holiday in Sabah. That was the first Kadazan official holiday that he referred to in his *NBNST* article of that year. In Mei 1961, he formed the United National Kadazan Organization (Unko).

His writings fostered public debates on ethnic and identity issues. Through his letters to the editor and columns, he created public opinion in his favour. He constructed the Kadazan nation in Sabah. To this day, according to Mat Zin Mat Kib (2011), a historian on Sabah, Stephen's construction of Kadazan identity is still controversial, with many doubtful on whether they are Kadazan or Dusun.

Mat Zin noted that attempts to unite the Dusun ethnic under the category Kadazandusun was not accepted by the authorities. Attempts to further unite Sabah's ethnography still continues under attempts at creating another label – Kadazandusun-murut, to the extent of including Kadazandusunmurutrunigus.

Stephens' journalism at constructing and popularising the Kadazan was seen at fragmentizing the Dusun as a separate group. Mat Zin saw it as a hindrance to nation building when in 196 Stephens objected to the formation of Malaysia. Instead he had promoted the Borneo Federation (Persekutuan Borneo) comprising Sabah, Sarawak and Brunei. The 11 August 1961 *NBNST* por-

His writings fostered public debates on ethnic and identity issues. Through his letters to the editor and columns, he created public opinion in his favour. He constructed the Kadazan nation in Sabah.

trayed the story of the Borneo Federation with the headline "Self-Government Before Malaysia, Stephens Reinstates His Stand: Merger of Borneo Territories First." The next day, the *NBNST* reinforced it with "Malaysia not Practical Now."

Later at the persuasion of Tunku Abdul Rahman, Stephens softened his stance. His *NBNST*, which earlier advocated for the Kadazan nation and the Borneo Federation, was turned into a forum for voicing the concept of Malaysia as a nation state. Herman James Luping, Stephens' friend and confidante, later wrote on "The Malaysian Plans" (*NBNST*, 9 March 1962). According to Mat Zin, *NBNST* earlier played the narrative of divide and rule. This was denied by Stephens in his writings.

The later writings and speeches of Stephens through the newspaper *NBNST* seemed to have been greatly influential in the formation of Malaysia. Adopting his Muslim name as Mohammed Fuad, he served Sabah twice as chief minister. Tun Mohammed Fuad Stephens was appointed the Yang Dipertua Negeri Sabah in 1973.

In the June 1960 article, Stephens argued that many Kadazans "have in fact forgotten their original name and when asked what race they belong to will answer: Dusun." He described the amnesia as pathetic. Colonial administrative officers mentioned by him in the article must have encountered a number of "saya orang sudah-lupa bah" Kadazans.

NEXT WEEK:
Spanish journalism and media in the Malay Archipelago

*Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican is Professor of Social and Intellectual History with the International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University (ISTAC-IIUM). He is a Senior Fellow with the Southeast Asia Research Centre and Hub at De La Salle University, Manila, the Philippines.



IN THE 1950'S Stephens published a series of writings highlighting the Kadazan community. He brought attention to issues on land, recognition and protection of rights.

Bank perlu proaktif, sokong peminjam dalam tempoh sukar - BNM

KUALA LUMPUR - Industri perbankan perlu proaktif dan memastikannya terus membina kapasiti yang diperlukan untuk memberi sokongan kepada peminjam yang memerlukan bantuan dengan cekap dan tepat pada masanya, kata Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM) Datuk Shaik Abdul Rasheed Abdul Ghaffour.

Beliau berkata ini termasuk memberikan pembiayaan baharu untuk menyokong pemulihan ekonomi berikutan lebih banyak perniagaan telah dibenarkan untuk beroperasi semula secara berperingkat.

"Sejak pembaharuan struktur selepas era Krisis Kewangan Asia, bank telah menjadi sumber kestabilan dan kekuatan.

"Ini perlu berterusan, walaupun bank menghadapi impak jangka panjang daripada pandemik, termasuk potensi pengurangan pendapatan dua kali ganda dan kegagalan membayar pinjaman yang tinggi oleh individu dan perniagaan," katanya dalam ucapan



ABDUL Rasheed

tama penutup pada Sidang Kemuncak Kewangan dan Perbankan Malaysia 2021 secara maya pada 21 Sept lepas.

Anjuran bersama KSI Strategic Institute for Asia Pacific dan Kelab Ekonomi Kuala Lumpur, acara selama sehari itu menghimpunkan pegawai bank kanan, pakar teknologi dan pemimpin pemikiran untuk membincangkan mengenai cabaran pasca pandemik yang dihadapi bank dan institusi kewangan dalam normal baharu.

Pada akhir suku kedua 2021, pinjaman tertunggak untuk segmen perniagaan dan

isi rumah, masing-masing meningkat sebanyak 1.3 peratus dan 5.3 peratus berbanding tempoh sama tahun lepas, kata Abdul Rasheed.

Beliau berkata bank perlu terus mengukuhkan peranan kitaran balas mereka untuk menyokong ekonomi dengan terus membiayai peminjam yang berdaya maju tetapi mempunyai masalah kewangan manakala BNM akan terus membantu industri dengan memberikan sokongan dalam pelbagai bidang.

"Industri kewangan perlu merebut peluang ini untuk menyumbang kepada proses pemulihan dan agenda pembaharuan negara yang lebih luas.

"Pandemik telah memberi penekanan kepada masalah struktur dalam ekonomi, terutamanya dalam pasaran tenaga kerja, apabila lebih banyak kumpulan pekerja rentan terjejas," kata Abdul Rasheed.

Dalam ekonomi menuju tempoh pemulihan, beliau percaya dasar perlu beralih

daripada mengekalkan pekerjaan kepada mewujudkan pekerjaan dan bank boleh menyumbang melalui penyediaan pembiayaan dan juga sokongan dengan cara lain.

Selain itu, beliau berkata bank perlu memfokuskan kepada kemampuan sebagai antara usaha menggalakkan pemulihan ekonomi, seiring tumpuan global untuk mencapai keseimbangan dalam kemajuan ekonomi, sosial dan alam sekitar.

"Bank mempunyai peranan utama dalam peralihan kepada ekonomi lebih menguntungkan. Sebagai contoh, penyelesaian ekonomi kitaran inklusif dan model perniagaan dilihat sebagai aspek penting untuk pembangunan mampan dan masih disifatkan sebagai usaha niaga berisiko tinggi bagi pembiayaan.

"Ini adalah peluang untuk sektor perbankan menjalin kerjasama erat dengan pihak berkepentingan berkaitan, termasuk penggubal dasar untuk membangunkan instrumen pembiayaan baharu

dan inovatif bagi mengurangkan risiko pelaburan ekonomi kitaran di samping memastikan pelaksanaan inisiatif yang tepat untuk perkongsian awam-swasta yang lebih baik," katanya.

Sementara itu, Abdul Rasheed berkata BNM komited untuk menggalakkan persekitaran yang membolehkan perkongsian data dalam sektor kewangan dengan menumpukan kepada pembangunan standard yang sama terhadap kes gunaan berimpak tinggi dan memperkukuh rangka kerja tadbir urus data digital bagi memastikan perlindungan dan layanan yang adil kepada pengguna pembiayaan.

"Malah, sektor perbankan perlu melaksanakan sebahagian besar kemajuan dalam ekosistem data untuk meningkatkan lagi penyertaan pembiayaan, memperkasa pengguna agar membuat keputusan yang tepat dan membangunkan penyelesaian pembiayaan yang inovatif dan memanfaatkan rakyat secara keseluruhan.

"PANDEMIK telah memberi penekanan kepada masalah struktur dalam ekonomi, terutamanya dalam pasaran tenaga kerja, apabila lebih banyak kumpulan pekerja rentan terjejas"

"Terdapat kemajuan yang menggalakkan dalam aspek membangunkan model pemarkahan kredit alternatif yang mempunyai sumber data lebih luas dan penyediaan akses terhadap data pengurusan pembiayaan peribadi masa nyata untuk pengguna," katanya.

Beliau berkata usaha ini tentunya penting dan sektor perbankan perlu terus menunjangkan kemajuan dalam bidang ini.

Abdul Rasheed berkata BNM akan melancarkan Rangka Tindakan Sektor Pembiayaan pada awal tahun depan yang akan menetapkan visi bagi sektor pembiayaan 2022-2026. - BERNAMA



5,500 KEKOSONGAN
JAWATAN MENANTI ANDA!
#SAHABATKERJAYAANDA

JOM GEGAU!

KARNIVAL KERJAYA

DIGITAL

MELAKA CAREERTRANS

16 OKTOBER 2021

TEMU DUGA SECARA DALAM TALIAN

QRCode for
PRA-PENDAFTARAN
KARNIVAL KERJAYA
DIGITAL MELAKA
CAREERTRANS 2021



ORANG MELAKA !!
SEKALI LAGI KITA **KASI GEGAU**
KARNIVAL KERJAYA



MYFutureJobs
Your National Employment Services Provider





DR. Shankar Gunarasa



Masalah Diverticulosis Usus

BUKAN semua pendarahan usus adalah disebabkan oleh buasir. Inilah fakta yang sering saya utarakan kepada pesakit pesakit saya yang berjumpa saya dengan masalah pendarahan usus. Salah satu pendarahan usus yang ketara yang boleh memudaratkan nyawa ialah Divertikular usus.

Apakah itu Divertikular usus? Masalah ini berlaku apabila dinding usus besar mengembangkan bintik-bintik lemah yang menonjol ke luar untuk membentuk kantung kecil, yang dipanggil divertikular. Apabila diverticulum ini menjadi radang atau dijangkiti, ia dipanggil diverticulitis. Diverticulosis dan diverticulitis bersama-sama dikenali sebagai penyakit divertikular.

Penyakit divertikular ini kebiasaannya berlaku pada usia 60-an tetapi kebelakangan ini kerap berlaku pada usia 40-an juga. Masalah ini berlaku kepada golongan yang kurang memakan makanan yang berserat yang akan menyebabkan sembelit. Sembelit sendiri tidak boleh menyebabkan penyakit divertikular, tetapi najis yang keras boleh mengakibatkan dinding usus besar melonjak keluar dan membawa kepada diverticula. Oleh itu penyakit divertikular usus ini memang ketara di kalangan pesakit yang sering sembelit.

Diverticulitis pula disebabkan oleh

* Penyakit diverticular ini kebiasaannya berlaku pada usia 60-an tetapi kebelakangan ini kerap berlaku pada usia 40-an juga

jangkitan kuman atau keradangan yang berlaku di diverticular. Simptomnya termasuk

- Kesakitan di abdomen
- Demam
- Perubahan kepada pembuangan najis
- Loya
- Pembuangan najis berdarah

Bagaimanakah untuk mengesan masalah ini? Diagnosisnya sukar dikesan sekiranya tiada gejala kesakitan di abdomen. Kebanyakannya dikesan secara kebetulan semasa ujian kolonoskopi atau melalui CT scan. Oleh itu penyakit diverticular ini dikesan melalui dua cara yang telah disebutkan iaitu dari kolonoskopi dan CT scan.

Jika pesakit yang sudah menghadapi masalah ini, pesakit perlu sedar akan komplikasi yang boleh berlaku dari divertikular

usus ini.

Antara komplikasi penyakit diverticular ini termasuk **pendarahan usus yang ketara**. Ini bukan komplikasi yang biasa, tetapi ia boleh mengakibatkan sejumlah besar pendarahan sehingga boleh memudaratkan nyawa. Adakalanya pesakit perlu diberikan transfusi darah disebabkan oleh pendarahan ini. Dalam sesetengah kes, pendarahan mungkin perlu disiasat dan dihentikan semasa kolonoskopi atau melalui pembedahan.


Divertikular bernanah adalah salah satu komplikasi lain dari masalah ini. Diverticulitis adalah jangkitan diverticula, dan

ini.

Fistula boleh terbentuk apabila nanah, yang tidak sembuh, telah memecahkan dan berkomunikasi secara terowong kepada organ lain. Dengan diverticulitis, fistula mungkin berlaku antara usus besar dan usus kecil, usus besar dan kulit, atau, yang paling biasa, usus besar dan pundi kencing. Sesetengah pesakit boleh berkencingkan najis sekiranya diverticular tersebut berkomunikasi fistula ke pundi kencing.

Bila ini berlaku, pembedahan terpaksa dilakukan untuk memotong bahagian pundi kencing dan usus yang terlibat.

Untuk mengelakkan penyakit diver-




jangkitan seperti ini juga boleh mengakibatkan nanah di diverticular, lebih-lebih lagi bila pesakit tersebut menghadapi masalah kencing manis. Masalah ini boleh dirawat dengan antibiotik tetapi jika tidak dapat dikawal, pembedahan terpaksa dilakukan. Pembedahan termasuk memotong sebahagian daripada usus yang dilingkari dengan diverticular ini.

Penembusan atau perforasi adalah lubang yang berkembang dan telah bocor di dalam diverticula yang dijangkiti. Jika kebocoran itu cukup besar, ia boleh menyebabkan nanah membina di dalam rongga abdomen dan akhirnya membawa kepada peritonitis. Peritonitis adalah keadaan yang serius yang boleh membawa maut jika tidak dirawat dengan segera melalui pembedahan. Malangnya banyak pesakit datang berjumpa dengan doktor pada tahap kritikal

diverticular ini dan juga komplikasinya ialah dengan memakan makanan yang berserat dan mengamalkan gaya hidup yang sihat agar mengelakkan masalah sembelit. Sembelit adalah punca kepada masalah diverticular ini. Oleh itu jagalah cara pemakanan kita. Sebahagian besar masalah di usus ini disebabkan oleh cara pemakanan yang tidak sihat dan kurang seimbang. Jika dilihat di artikel-artikel saya sebelum ini, kebanyakan masalah di usus seperti buasir, barah usus and masalah sembelit ini banyak bersangkut paut dengan cara pemakanan kita.

Sekiranya anda perlu mengetahui lebih lanjut bertentangan masalah diverticulosis usus anda boleh berhubung dengan saya, **Dr Shankar Gunarasa, Pakar Bedah Umum, Laparoskopi dan Kolorektal di Pantai Hospital Ayer Keroh Melaka di talian 06 2319999 Samb; 2131**

Colon Diseases



Semarak dondang sayang

Farah Suhaidah Othman

TELOK MAS – Dondang sayang menjadi identiti warisan dan kebudayaan rakyat Melaka sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka di negeri ini seakan 'pupus' ditelan zaman.

Peredaran zaman yang terlalu bergantung kepada kecanggihan gajet dan teknologi seolah-olah menenggelamkan seni budaya itu yang sepatutnya diwarisi oleh generasi hari ini.

Menyedari hal itu, Persatuan Dondang Sayang Melaka melakukan pelbagai usaha bagi memartabatkan Dondang Sayang agar kekal segar dalam ingatan generasi masa kini.

Penasihatnya, Datuk Akramuddin Abdul Aziz berkata, antara dilakukan pihaknya termasuk bekerjasama dengan Jabatan Kebudayaan dan Keseniaan (JKKN) negeri supaya memfokuskan pembangunan seni warisan itu daripada terkubur begitu sahaja.

Menurutnya, setiap enam tahun sekali, kerajaan negeri perlu menghantar laporan kepada Pertubuhan Pendidikan, Saintifik, dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).

"Maka jika kita tidak menghidupkan dondang sayang ini, pengiktirafan UNESCO mengenai Dondang



AKRAMUDDIN

Sayang itu akan ditarik balik.

"Sebab itu, saya yang juga Pengerusi Kebajikan Kanak-kanak di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menubuhkan pasukan dondang sayang pelapis.

"Kebanyakannya terdiri daripada mereka yang bermasalah dan yang mendapat perintah mahkamah supaya menyertai seni warisan itu," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyaksikan persembahan Dondang Sayang dianjurkan Pasukan Homestay Dondang Sayang Baruh Alai.

Hadir sama, Pengurus Besar PERZIM, Drs Mohd Nasaruddin Rahman dan Pengurus Besar Institut Warisan Melaka (INSWA), Nurman



PERSATUAN Homestay Dondang Sayang Baruh Alai mempersembahkan seni warisan Dondang Sayang.

Mohd Baroldin serta Ketua Pegawai Operasi Melaka Hari Ini (MHI), Anuar Shaari.

Menurut Akramuddin, jika kesenian itu dapat dikembangkan di peringkat akar umbi beliau yakin Dondang Sayang mampu berada pada tahap yang memuaskan.

Beliau yang juga Timbalan Pengerusi Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM) berkata, kira-kira tujuh kumpulan Dondang Sayang ditubuhkan di negeri ini dan masing-masing menampilkan keistimewaan sendiri dalam membuat persembahan.

"Saya akan meminta Setiausaha

Persatuan Dondang Sayang negeri untuk menghantar surat kepada semua agensi kerajaan negeri supaya melalui persatuan sekiranya ingin menjemput kumpulan ini membuat persembahan.

"Selain itu, pada akhir bulan ini (Sept), Pasukan Homestay Dondang Sayang Baruh Alai akan merakamkan album, yang mana video klipnya mengandungi lima lagu termasuk dua berkisarkan 'homestay' dan ada juga menggambarkan tempat bersejarah di Melaka," katanya.

Beliau berkata, album berkenaan akan diselitkan dengan ucapan Pengerusi Jawatankuasa Pelancon-

gan, Warisan dan Kebudayaan negeri, Datuk Muhammad Jailani Khamis dan diedarkan secara percuma kepada pengunjung ke negeri ini.

Jelasnya, album itu juga menampilkan dua penyanyi kanak-kanak yang meraih gelaran Johan Dondang Sayang di peringkat negeri selain dibarisi beberapa generasi penyanyi dondang sayang.

"Jadi, jika kita tidak persembahkan dua penyanyi kanak-kanak ini ke satu tahap yang lebih baik, maka barisan pelapis untuk mewarisi dondang sayang 'mati' begitu sahaja," katanya.



MOLEK RESIDENCE

HAK MILIK KEKAL

20' x 70' Untuk Bumiputera Sahaja
RUMAH TERES 2 TINGKAT



Watch Interior **360°** view >>

<https://molekresidence.weebly.com/>

DIBUKA UNTUK PENDAFTARAN

06-337 3333



2.2282773,
102.3281568



Sin Chew Business Excellence Award 2018



Golden Eagle Award Excellent Eagle 2018

Pemaju:

PADUWAN
REALTY SDN BHD
81423-H

Satu lagi projek berprestij oleh:

PB
REALTY™



Peniaga rayu segerakan projek naik taraf

Norizan Muhid

BANDA HILIR – Peniaga Jonker Walk merayu Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) mempercepatkan projek menaik taraf sepanjang laluan pejalan kaki di Jalan Hang Jebat sejauh 570 meter.

Peniaga di kawasan itu bimbang kelewatan menyiapkan projek berkenaan sekali gus menyebabkan kawasan itu kurang mendapat tumpuan pelancong yang akan bercuti di Melaka setelah rentas negeri dibenarkan tidak lama lagi.

Tinjauan MHI di Jonker Walk mendapati, kerja-kerja menaik taraf dan memasang jubin di beberapa kawasan laluan pejalan kaki bermula pintu gerbang sehingga ke bangunan H&M giat dijalankan oleh kontraktor MBMB.

Kelihatan sekitar Jonker Walk juga semakin dikunjungi oleh pelancong tempatan dan deretan kenderaan turut memenuhi kawasan itu berbanding keadaan sebelumnya yang agak lengang.

Peniaga kedai makan, Grace Chia, 38, berkata, dia bimbang kelewatan projek menaik taraf kawasan Jonker Walk akan menjejaskan pelancong ke kawasan itu.

"Saya dapati kerja-kerja naik taraf laluan pejalan kaki di Jonker Walk sudah dilakukan agak lama tetapi sehingga sekarang masih belum selesai.

"Disebabkan itu, ada peniaga yang tidak sesa dan menutup operasi mereka buat sementara bagi memberi laluan kepada kerja-kerja

tersebut, ada juga yang tutup kedai sebab tiada kunjungan orang ramai disebabkan pandemik COVID-19," katanya ketika ditemui MHI.

Selain itu menurut Grace, peniaga berharap projek menaik taraf sekitar kawasan Jonker Walk dapat berjalan lancar dan siap sebelum Melaka dibanjiri pelancong nanti.

"Saya yakin bila projek naik taraf Jonker Walk siap sepenuhnya, kawasan ini akan lebih indah dan dapat menarik lebih ramai kunjungan pelancong luar," katanya.

Sementara itu Ahli Majlis MBMB, Roger Tan Wei Jian berkata, projek menaik taraf kawasan pelancongan Jonker Walk sudah bermula kira-kira tiga minggu lalu dan dijangka siap seawat-awatnya pertengahan Oktober.

Menurutnya, ia meliputi kerja-kerja pemasangan jubin 'tactile' bagi kegunaan orang kurang berupaya cacat penglihatan.

"Ia termasuk pembinaan 'ramp' tanpa halangan bagi kegunaan golongan kurang berupaya selain menggantikan jubin 'terracotta' yang telah rosak.

"Kerja pemasangan jubin 'tactile' sepanjang laluan Jonker Walk sepanjang lebih kurang 570 meter dan dijangka siap pada pertengahan Oktober," katanya.

Kata beliau, selain menaik taraf kawasan Jonker Walk, MBMB juga menjalankan kerja-kerja pengindahan kemudahan awam di sekitar tapak pelancongan di pusat bandar seperti sekitar Menara Jam Besar dan kawasan Bastion Middleburg.

ANTARA sampah dan sisa kitar semula yang berjaya dikutip bersempena World Clean Up Day 2021 di Pantai Pengkalan Balak pada 19 Sept lepas.



Kutip 53 kg sampah di Pantai Pengkalan Balak

Mohamad Fazrul Abdul Majid

TANJUNG BIDARA - Sebanyak 53 kilogram (kg) sampah dan sisa kitar semula berjaya dikutip Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG), di Pantai Pengkalan Balak, di sini, pada 19 Sept lepas.

Ia bersempena pelaksanaan World Clean Up Day 2021 yang dijalankan bermula sejak awal pagi pada hari tersebut.

Program itu turut mendapat kerja-

sama Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) Melaka dan SWM Environment.

Hadir sama dalam program berkenaan ialah Setiausaha MPAG, Datuk Saleh Mohd Dom yang mewakili Yang Dipertua MPAG, Mohd Fadil Hassan, Pengarah SWCorp Melaka, Khairuladha Ab Mutalib, pegawai-pegawai tertinggi, ahli-ahli majlis dan sukarelawan terlibat.

HADIAH BERNILAI LEBIH RM30 JUTA
MENANTI ANDA DENGAN BSN SSP 2021!

BSN SSP 2021 CABUTAN ISTIMEWA
RM1,000,000

14 lagi bakal muncul!

Lebih hebat BSN SSP pada tahun ini. Rebut peluang untuk memenangi pelbagai ganjaran menarik yang ditawarkan.



HADIAH BERNILAI LEBIH RM30 JUTA
MENANTI ANDA DENGAN BSN SSP 2021!

En. Abdul Rahim dari Merlimau, Melaka merupakan pemenang BSN SSP RM1 Juta melalui Cabutan Istimewa bulan Ogos.

Kami masih lagi mencari 5 Jutawan BSN SSP untuk tahun 2021. Adakah anda Jutawan seterusnya? Mulakan simpanan BSN SSP anda hari ini!

Simpan minimum RM3,000 dengan BSN SSP dan anda berpeluang menjadi salah seorang jutawan melalui Cabutan Istimewa kami.

Kempen tamat: **31 Disember 2021**

Saluran menyimpan:

Melalui cawangan BSN atau Ejen Bank Berdaftar (EB)

Melalui BSN ATM / CDM

Melalui www.bsn.com.my

Tertakluk pada terma dan syarat.

MENGIKUT statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, penyakit jantung kekal menjadi penyebab utama kematian di Malaysia.

Penyakit jantung iskemik mencatatkan 15 peratus daripada 109,164 sebab kematian yang disahkan secara perubatan pada 2019.

Menurut Pakar Kardiologi, Pusat Perubatan Mahkota (MMC), Dr. Ang Choon Chin berkata, penyakit jantung boleh berlaku pada bila-bila masa jika tidak mengambil langkah berjaga-jaga dari segi penjagaan kesihatan.

"Penyakit jantung boleh terjadi pada sesiapa sahaja, dan ia terjadi pada golongan muda juga.

"Penyakit jantung berlaku disebabkan satu proses yang dikenali aterosklerosis. Keadaan ini menyebabkan pembentukan plak pada dinding arteri.

"Pengumpulan plak dari masa ke masa menjadi semakin tebal dan menyempitkan saluran darah, justeru menyebabkan penghalangan pengaliran darah, malahan terbentuknya beku darah yang boleh menyebabkan penyakit jantung atau strok," jelasnya menerusi satu kenyataan baru-baru ini.

APAKAH PUNCA DAN GEJALA PENYAKIT JANTUNG?

Secara asasnya, penyakit jantung ini dapat dihindarkan jika gaya hidup serta pemakanan sihat diamalkan.

Namun, pengamalan gaya hidup tidak sihat oleh kebanyakan




DR. Ang

masyarakat negara ini perlu dihentikan segera demi memastikan tahap kesihatan jantung terus dapat dipulihara demi kebaikan bersama.

Jika anda adalah seorang perokok, dinasihatkan agar berhenti segera, kerana nikotin dan karbon monoksida daripada asap rokok boleh merangsang jantung untuk bekerja dengan lebih pantas dan kedua-dua bahan ini akan meningkatkan risiko darah beku dan menyebabkan kerosakan pada dinding arteri.

Begitu juga dari segi pemakanan, sebarang amalan pemakanan tidak sihat seperti pengambilan makan ringan yang tinggi lemak tepu boleh menghasilkan kolesterol yang memudaratkan penyakit jantung.

Waspada pembunuh senyap nombor satu di Malaysia



PERBEZAAN teknik Pembedahan Kurang Invasif (MIS) di sebelah kanan gambar hanya menyebabkan kesan parut yang kecil berbanding teknik konvensional (gambar kiri) beri kesan parut yang besar.

Selain itu, mereka yang menghidapi diabetes atau tekanan darah tinggi, mempunyai risiko beberapa kali ganda untuk menghidapi penyakit jantung.

Penyakit tersebut boleh menyebabkan lapisan saluran darah menebal dari semasa ke semasa.

Antara tanda atau gejala penyakit jantung yang sering berlaku ialah;

- Terasa ketat atau sakit pada dada. Kesakitan ini boleh dirasa selama beberapa minit atau lebih lama
- Kesukaran bernafas
- Jantung berdebar-debar
- Pening kepala
- Loya dan muntah
- Berpeluh sejuk
- Lemah dan letih

APAKAH RAWATAN UNTUK PENYAKIT JANTUNG?

Setelah pesakit didiagnosis dengan penyakit jantung, doktor akan berbincang dengan pesakit dan ahli keluarga mengenai rawatan yang sesuai untuk pesakit. Bergantung kepada keadaan pesakit, rawatan boleh melibatkan ubat-ubatan, angioplasti koronari, dan pembedahan pintasan pembuluh darah jantung (CABG).

ANGIOPLASTI KORONARI

Angioplasti adalah satu prosedur untuk membuka arteri yang tersumbat.

Dr Ang menjelaskan kaedah angioplasti yang mana satu torehan kecil akan dibuat pada pangkal paha atau lengan selepas ubat bius setempat, untuk memasuki dawai pandu melalui saluran darah.

"Satu kateter yang dipasang pada belon yang kempis akan menyusuri dawai pandu hingga ke tempat yang ada sumbatan. Apabila belon itu dikembungkan, ia akan membesarkan pembukaan arteri dan membolehkan darah mengalir melaluinya. "Sejenis tiub jar-jaring dawai yang juga dikenali sten akan diletakkan di sekeliling kateter belon yang kempis. Sten akan membesar dan melekat pada dinding arteri, apabila kateter dikembungkan di bahagian tersumbat," jelasnya.

PEMBEDAHAN PINTASAN JANTUNG BERI KEPUTUSAN JANGKA HAYAT LEBIH BERKESAN

Bagi Pakar Bedah Kardiorasik MMC, Dr. Kenny Cheng, pembedahan pintasan salur darah koronari atau dikenali sebagai 'Coronary Artery Bypass Grafting' (CABG) menyediakan laluan pintasan baharu untuk pesakit.

Dalam pembedahan tersebut, salur darah baharu yang diambil daripada bahagian dada ataupun kaki, akan digunakan untuk memintas bahagian salur darah jantung yang tersumbat.

"Salur pintasan jantung baru ini akan menjadi sumber darah yang baru ke jantung.

"Kaedah rawatan pembedahan CABG adalah terbaik dan paling berkesan untuk penyakit jantung yang melibatkan penyumbatan dua atau lebih salur jantung (multives-sel disease).

"Ini sudah terbukti dalam penyelidikan dan turut disyorkan dalam protokol rawatan persatuan jantung benua Amerika dan juga Eropah," katanya.

Ujarnya, pembedahan CABG dapat memberikan manfaat jangka panjang kerana rawatan CABG adalah lebih berkesan, tahan lama dan



DR. Kenny

lebih murah berbanding dengan cara rawatan yang lain.

"Satu lagi kelebihan pembedahan CABG adalah keupayaannya untuk mengatasi masalah seperti kehadiran tiga koronari tersumbat atau kesemua saluran darah yang lain (complete revascularization).

"Oleh demikian, pembedahan pintasan CABG masih dianggap sebagai satu rawatan terbaik untuk penyakit koronari jantung," katanya.

Ulas Dr. Kenny, bidang pembedahan jantung telah berkembang dan ramai pakar bedah kardiorasik kini memberi tumpuan terhadap pengurangan tahap kecederaan pesakit.

"Salah satu perkembangan dalam bidang ini adalah pengambi-

lan vena melalui endoskopi. Prosedur ini hanya melibatkan pemotongan sekecil 3 sentimeter (cm).

"Ini secara tidak langsung mengurangkan risiko pesakit mengalami komplikasi infeksi, mengurangkan kesakitan dan penyembuhan yang lebih pantas. "Prosedur ini terutamanya memanfaatkan pesakit yang menghidapi diabetes," tambahnya.

PEMERIKSAAN JANTUNG MENYELAMATKAN NYAWA

Dr. Ang menyeru agar orang ramai yang berumur 40 ke atas untuk melakukan pemeriksaan jantung secara berkala.

"Tekanan darah harus sering diperiksa, manakala gula dan kolesterol dalam darah harus diperiksa sekurang-kurangnya setiap tahun.

"Kekerapan pemeriksaan harus ditingkatkan sekiranya seseorang itu mempunyai faktor risiko-risiko lain," katanya.

Beliau terus berkongsi bahawa pakar kardiologi akan mendiagnosis penyakit jantung berdasarkan tanda dan gejala, sejarah perubatan keluarga serta hasil ujian pesakit.

Ujian diagnostik yang biasa dijalankan adalah Elektrokardiogram (EKG), ujian darah, ujian tekanan, imbasan tomografi berkomputer (CT), Pengimejan Resonans Magnetik (MRI) dan angiografi koronari.

Orang ramai digalakkan untuk melayari laman sesawang <https://www.mahkotamedical.com/heart-centre/> atau hubungi +6062852999, bagi mendapatkan maklumat lebih lanjut mengenai informasi penyakit kronik dan cara untuk menghindarnya.



SHAH Firdaus

Tekad Shah Firdaus sertai 'aksi terakhir' tahun ini

dar perlumbaannya tahun ini.

Pelumba berusia 25 tahun itu berkata keputusan untuk beraksi pada perlumbaan itu dibuat, selepas berbincang dengan jurulatih John Beasley serta keluarganya di Muar.

"Memang kami tengah buat persediaan di Nilai untuk kejohanan itu yang dijangka diadakan pada 20 Okt sebelum ini, saya masih berbincang dengan jurulatih, sama ada pergi atau tidak.

"Tetapi selepas balik jumpa keluarga, saya rasa baik saya pergi sebagai 'aksi penutup perlumbaan' untuk tahun ini," katanya kepada pemberita selepas penyerahan insentif kepada atlet Johor yang menyertai Sukan Olimpik dan

Paralimpik di Bangunan Dato' Jaa-far Muhammad di sini, baru-baru ini.

Terdahulu, atlet kelahiran Muar itu menerima RM5,000 sebagai insentif penyertaan pada temasya sukan itu, yang disampaikan Menteri Besar Johor Datuk Ir Hasni Muhammad.

Muhammad Shah Firdaus, yang akan membuat penampilan ketiga pada kejohanan dunia itu bersama-sama rakan sepasukan Muhammad Fadhil Mohd Zonis, dijangka berlepas ke Perancis pada 10 Okt ini.

Ketika ditanya mengenai kecederaan dialaminya ketika Sukan Olimpik Tokyo 2020, pelumba berusia 25 tahun itu berkata beliau

sudah sembuh sepenuhnya daripada kecederaan.

"Luka-luka seminggu dua dah okay. Cuma hentikan hari itu ambil masa sebulan untuk pulih. Bila saya tarik nafas dan batuk, terasa sakit. Alhamdulillah, saya kini sudah 100 peratus pulih daripada kecederaan dan bersedia untuk perlumbaan pada bulan hadapan," katanya.

Muhammad Shah Firdaus berkata beliau tidak meletakkan sebarang sasaran, sebaliknya bertekad untuk menampilkan kayuhan terbaik pada kejohanan itu.

Mengenai sesi latihan di Australia, pelumba muda itu masih menunggu pembukaan sempadan negara berkenaan yang masih ditutup sebelum menyambung lati-

han di sana.

Pada temasya Olimpik Tokyo Ogos lepas, Muhammad Shah Firdaus terbabat dalam kemalangan di pertengahan perlumbaan saringan kedua acara keirin di pusingan awal, sehingga menyebabkan kecederaan di bahu kirinya.

Namun, dia bangkit pada saringan repechage dan menduduki tempat kedua, sekali gus mara ke suku akhir acara keirin.

Pemenang pingat perak acara keirin di Kejohanan Asia 2019 di Jakarta itu, juga pernah mengetepikan pelumba nombor satu negara Datuk Azizulhasni Awang dalam acara sama di Kejohanan Berbasikal Trek Kebangsaan Australia 2021 pada Mac lepas. - BERNAMA

Kim Swee tenang kendali Sabah FC

KETUA Jurulatih Sabah FC yang baru dilantik Datuk Ong Kim Swee tidak menerima tekanan daripada pihak pengurusan pasukan menjelang tugas pertamanya pada saingan Piala Malaysia 2021 bermula 26 Sept.

Kim Swee, 50, yang pernah menjuarai Piala FA 1995 dan Liga Perdana 1996 ketika menarung jersi skuad Sang Badak, berkata tiada penanda aras diletakkan Sabah FC bagi kejohanan berprestij itu yang menyambut ulang tahun ke-100 tahun ini.

Bagaimanapun, jurulatih yang telah melakar beberapa kejayaan bersama skuad kebangsaan di pentas antarabangsa itu tetap menaruh harapan dan ingin melihat Sabah FC memberikan persembahan positif sepanjang kempen kejohanan.

"Jika kita mampu keluar dari peringkat kumpulan, itu merupakan satu bonus dan sudah tentu selepas itu kita perlu memikirkan perancangan bukan sahaja selepas peringkat kumpulan, bahkan mengenal pasti apa yang perlu dilakukan untuk musim 2022," katanya ketika dihubungi Bernama.

Sabah FC yang belum pernah menjulang Piala Malaysia dengan rekod terbaik sebagai naib juara sebanyak tiga kali pada 1996, 2002

dan 2003, diundi dalam Kumpulan D bersama Johor Darul Ta'zim (JDT), Petaling Jaya City FC dan pasukan Liga Premier yang akan ditentukan dalam masa terdekat.

Walaupun tiada sasaran spesifik diletakkan, bekas pengendali skuad Bawah 23 Tahun (B-23) dan skuad senior kebangsaan itu mengakui pasukan tidak boleh mengambil mudah setiap perlawanan dalam kempen Piala Malaysia.

Beliau berkata Piala Malaysia adalah antara platform bagi barisan pemain Sabah FC menampilkan kemampuan masing-masing untuk berada dalam perancangan pasukan menghadapi musim 2022.

"Saya ingin semua pemain Sabah FC buktikan yang mereka masih lagi relevan sebelum



KIM Swee

saya membuat apa-apa perubahan untuk musim akan datang," kata pengendali kelahiran Melaka itu.

Pada 10 Sept lepas, Sabah FC mengumumkan Kim Swee sebagai pengendali baharu menggantikan jurulatih dari Indonesia Kurniawan Dwi Yulianto yang direhatkan susulan kemerosotan prestasi pasukan itu dalam saingan Liga Super.

Beliau terdahulu melepaskan jawatan Pengarah Teknikal Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) disandangnya sejak 1 Jan tahun ini.

Menurut Kim Swee, Sabah FC sebelum ini pernah beberapa kali melamarnya tetapi terpaksa ditolak kerana faktor masa yang tidak bersesuaian serta dorongan untuk menumpukan tugas di FAM.

Namun, kali ini hatinya terbuka selepas

mengadakan perbincangan bersama Presiden Persatuan Bola Sepak Sabah (SAFA) Datuk Seri Bung Moktar Radin, Ketua Pegawai Eksekutif Sabah FC Khairul Firdaus Akbar, Pengurus pasukan Marzuki Nasir dan Pengarah Teknikal Scott Ollerenshaw.

"Mereka mempunyai visi yang begitu baik untuk pasukan Sabah FC terutama dengan perancangan bukan saja bagi pasukan utama, tetapi secara keseluruhan pembangunan bola sepak di Sabah," katanya.

Berkongsi pandangan terhadap pasukan baharunya, beliau menyifatkan pasukan yang menamatkan saingan Liga Super musim ini di kedudukan kesembilan itu sebagai pasukan berdaya saing, namun terdapat ruang untuk diperbaiki bagi meraih keputusan yang konsisten pada masa hadapan.

"Pada pusingan pertama peringkat liga, Sabah FC mampu menyaingi pasukan yang baik seperti KDA FC dan Selangor FC tetapi pada pusingan kedua keputusan tidak memihak mereka. Jadi sudah tentu kita dapat melihat apa kelemahan yang harus diperbaiki terutama dalam latihan dan perlawanan," katanya. - BERNAMA

Kelantan FC sasar ke suku akhir

KELANTAN FC bukan pasukan belasan dan menasarkannya untuk mara ke suku akhir saingan Piala Malaysia yang membuka tirai Ahad ini.

Laungan keyakinan oleh pemilik pasukan Norizam Tukiman adalah sebagai amaran buat pasukan terbaik Liga Super dan Liga Premier yang akan berentap supaya tidak memandang rendah keupayaan The Red Warriors (TRW).

"Jika dapat melangkah ke separuh akhir ia pasti satu bonus kepada skuad ini kerana kita akui pada pertandingan itu nanti TRW akan berdepan barisan pasukan terbaik negara," katanya kepada pemberita baru-baru ini.

Sementara itu, Norizam gembira dengan pencapaian ditampil pasukannya pada saingan Liga Premier musim ini kerana jelas walaupun bukan dilabel pasukan 'bintang, di bawah pengurusan baharu, persembahan yang dipamerkan pemain masih boleh dibanggakan.

"Kita gembira kerana pada awal musim pengurusan menasarkan skuad berada dalam lima pasukan terbaik Liga Premier namun kita berada di tangga keenam, ia satu pencapaian memuaskan disebabkan kita pasukan baharu diambil alih daripada Persatuan Bola Sepak Kelantan (KAFA) awal musim ini," katanya. - BERNAMA



SKUAD Kelantan FC sedia untuk menggegar Piala Malaysia tahun ini. FOTO kredit FB TRW Kelantan FC

Kim Swee
tenang kendali
Sabah FC 23

Sukan

MELAKA HARI INI



Tekad Shah Firdaus...
23



Piala AFF 2020

Harimau Malaya berdepan laluan sukar

KETUA jurulatih Harimau Malaya Tan Cheng Hoe mengakui cabaran musuh tradisi, Indonesia dan Kemboja tidak boleh dipandang enteng dalam saingan Kumpulan B kejohanan Piala AFF 2020 bermula 5 Dis ini hingga 1 Jan depan.

Selain pasukan ranking ke-95 dunia, Vietnam yang berada dalam kelas tersendiri dengan persiapan rapi menghadapi pusingan kelayakan terakhir Piala Dunia Qatar 2022, Cheng Hoe tidak mahu memandang rendah kemampuan Indonesia (175) dan Kemboja (178) dalam mengejar kedudukan dua teratas kumpulan untuk mara ke separuh akhir.

"Kita melihat Vietnam sebagai pilihan kumpulan, tetapi yang penting kita hadapi satu perlawanan pada satu masa. Pada masa sama, kita tak fokus kepada Vietnam sahaja, tapi juga Indonesia yang merupakan musuh tradisi kita.

"Kemboja pun kita tidak boleh diambil mudah, kerana ada pemain yang berbakat selain Laos, kita perlu fokus setiap perlawanan," katanya menerusi video yang dikongsikan Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM), baru-baru ini.

Terdahulu dalam undian diadakan secara dalam talian, pasukan ranking ke-154 dunia dan naib juara 2018, Malaysia diundi dalam Kumpulan B bersama-sama juara bertahan Vietnam, Indonesia, Kemboja dan Laos (186).

Kumpulan A pula dibarisi pasukan paling berjaya dengan lima gelaran Thailand (122), Myanmar (146), Filipina (125), Singapura (160) dan pemenang pusingan kelayakan antara Brunei (190) dan Timor-Leste (194).

Mengulas mengenai format pertandingan kali ini yang bakal diadakan secara karnival di satu venue berpusat yang belum diputuskan akibat pandemik COVID-19, Cheng Hoe mengakui persiapan perlu lebih mantap kerana tiada aksi di gelanggang sendiri.

"Jika format (edisi) 2018, memang satu motivasi buat pemain kerana ada dua aksi (peringkat kumpulan) di laman sendiri dan di gelanggang lawan. Walaupun kali ini secara karnival, kita perlu fokus dalam setiap perlawanan dan persiapan pasukan," katanya.

Beliau berkata menjelang baki dua bulan sebelum kejohanan bermula, barisan jurulatih akan terus memantau pemain dan prestasi mereka bersama kelab masing-masing pada kempen Piala Malaysia 2021, selain dua Perlawanan Antarabangsa Tier 1 pada awal bulan hadapan.

"Pada masa sama kita juga perlu melihat persiapan pasukan negara-negara lain. Kita harap pemain yang dipanggil pada edisi kali ini, akan dapat juga memberi sumbangan terbaik untuk skuad kebangsaan," katanya.- BERNAMA

Malayan Tigress jinakkan Palestin



SKUAD bola sepak wanita menamatkan saingan Kumpulan H kelayakan Piala Asia Wanita 2022 dengan kemenangan selepas menepati ramalan menewaskan Palestin 2-0 di Stadium Antarabangsa Faisal Al-Husseini, Jerusalem pada 22 Sept lepas.

Selepas mempamerkan aksi longlai ketika tumbang 0-4 di tangan Thailand pada aksi pembukaan kumpulan pada 19 Sept lalu, skuad bimbingan Ketua Jurulatih Jacob Joseph tampil dengan gaya permainan lebih baik berdepan Palestin, namun gagal mencetak jaringan pada separuh masa pertama.

Semangat barisan pemain negara kekal membara selepas rehat apabila memulakan 45 minit kedua perlawanan dengan garang sebelum akhirnya Andrea Lee menghadirkan keceriaan buat kem negara menerusi gol pembukaan pada minit ke-57.

Andrea mudah menampun masuk bola ke gawang menewaskan penjaga gol

Nadin Elias selepas memanfaatkan kesilapan pertahanan Palestin mengeluarkan bola dari kawasan kotak penalti.

Peluang Malaysia mengandakan kedudukan hadir pada minit ke-64, namun kali ini Nadin bertindak cemerlang menyelamatkan rembatan jarak dekat pemain gantian Nur Farishah Erinna Hisham.

Malaysia yang ghairah memburu gol berjaya menambah jaringan menerusi kapten pasukan Steffi Sarge Singh selepas beliau menyempurnakan sepakan percuma pada minit ke-81 sekali gus mengesahkan kemenangan pasukan dan mengubati kekecewaan perlawanan terdahulu.

Palestin memiliki peluang keemasan untuk meledak gol sagu hati pada masa kecederaan separuh masa kedua tetapi ia dinafikan penjaga gol Nurul Azurin Mazlan yang berjaya menangkap kemas tandukan kapten lawan Caroline Sohgian.- BERNAMA

TM PIALA MALAYSIA 2021 Jadual perlawanan Melaka United FC



VS



KEDAH DARUL AMAN FC MELAKA UNITED FC

STADIUM DARUL AMAN

KHAMIS, 30 SEPTEMBER 2021
9.00 Malam